

"PADA hemat beta, cara mencegah dan mengatasi penyakit-penyakit ini adalah banyak bergantung kepada kesedaran dan keazaman setiap individu. Untuk sihat, kita memerlukan disiplin gaya hidup sihat dan permakanaan sihat. Di antara gaya hidup sihat itu ialah rajin beriadah. Sementara permakanaan sihat pula, ada dengan ketentuan-ketentuannya yang tersendiri."
- Titah Sempena Hari Keputeraan Baginda Yang Ke-66 Tahun.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

"ABU Hurairah Radiallahuanhu, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, jika seseorang meninggal dunia, maka terputuslah amalannya kecuali tiga perkara, iaitu sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat dan anak soleh yang mendoakan kedua orang tuanya."
- (Sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam riwayat Imam Muslim).

Waktu Sembahyang

IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
5.01	5.11	6.33	6.57	12.31	3.52	6.25	7.39

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 63 / BILANGAN 7

15 JANUARI 2018 / 1439 ربيع الأخير 28

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

Lawat kawasan terjejas banjir di Daerah Tutong, Belait



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong (empat, kanan) menerima penerangan ringkas mengenai status terkini kawasan-kawasan yang dilanda banjir dan tindakan-tindakan yang telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Tutong (Tutong DDMC) sambil mengadakan lawatan kerja ke kawasan-kawasan yang terjejas oleh banjir di Daerah Tutong.

Siaran Akhbar dan Foto : Noraisah Haji Muhammed, Ihsan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

TUTONG, Sabtu, 13 Januari. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong mengadakan lawatan kerja ke kawasan-kawasan yang terjejas oleh banjir di Daerah Tutong.

Sesi lawatan kerja dimulakan dengan penerangan ringkas mengenai status terkini kawasan-kawasan yang dilanda banjir dan tindakan-tindakan yang telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Tutong (Tutong DDMC) bertempat di Pusat Kawalan Insiden, Balai Bomba Lamunin.

Semasa lawatan, Yang Berhormat telah membuat tinjauan serta berkesempatan berjumpa dengan Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung yang terjejas oleh banjir iaitu di kawasan Jalan Rambai, Jalan Rompou - Rambai, Jalan Kuala Ungar - Rambai, Jalan Bangkuru dan Jalan Benutan.

Lawatan bertujuan untuk meninjau secara dekat keadaan kawasan-kawasan dan jalan-jalan yang sebelum ini dilanda banjir

dan juga untuk memastikan persediaan agensi-agensi kerajaan bagi menghadapi cuaca hujan kebelakangan ini, di samping bagi memeduli kebajikan dan kesejahteraan penduduk kampung di kawasan yang terjejas.

Persediaan dan tindakan-tindakan yang dilaksanakan ini akan dapat meyakinkan bukan sahaja pihak kerajaan, tetapi juga penduduk serta orang ramai bahawa keadaan banjir di Daerah Tutong adalah terkawal.

Pihak Tutong DDMC melalui Batalion Kedua, Tentera Darat Diraja Brunei sebelum ini telah pun menyediakan bantuan pengangkutan kenderaan trak di kawasan jalan yang terjejas, khususnya Jalan Kecil Layong bagi penduduk-penduduk kampung yang memerlukan.

Di antara kawasan-kawasan yang terjejas dan dilanda banjir ialah kawasan Kampung Benutan, Kampung Penapar dan beberapa batang jalan termasuklah Jalan Bangkuru, Jalan Rambai, Jalan Kuala Ungar - Rambai dan Jalan Kecil Layong.

Ke muka 3

KSSUP pantau perkembangan perusahaan ternakan ayam

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Masri Osman

KULAPIS, Sabtu, 13 Januari. - Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Ali bin Haji Apong berkata, tujuan utama lawatan ke Perusahaan Riza Fudhlana Farming adalah untuk memerhatikan perkembangan perusahaan ternakan ayam yang diusahakan oleh Syarikat Riza Group. Katanya, perusahaan tersebut

menampakan perkembangan sangat bagus sekali dan dapat dilihat dari tahun 2016 ternakan yang telah dipelihara dalam setahun mencecah kepada 500,000 ekor, manakala 2017 meningkat dua kali ganda kepada hampir sejuta ekor ayam yang telah diusahakan.

Semasa ditemui di perusahaan syarikat berkenaan yang terletak di Bebatik Kulapis, Yang Berhormat menjelaskan,

peningkatan tersebut akan dijangka pada tahun ini lebih meningkat kepada dua kali ganda sebanyak dua juta ayam dan mengikut perancangan pada tahun 2019 akan lebih meningkat lagi kepada empat juta.

"Maka dengan itu, setiap tahun peningkatan sebanyak seratus peratus daripada tahun 2016 hingga 2019 nanti, dengan adanya pencapaian yang makin meningkat, pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) merasa berpuas hati dengan pencapaian mereka," jelasnya.

Ke muka 3

IKUTI KAMI DI



infodept.bn



@Infodept_bn



Jabatan Penerangan

Jabatan Perdana Menteri



Muka 6

HARGAI seni lukis tempatan sebagai budaya warisan



Muka 7

99 peserta Program Satu Minggu Satu Juzuk diraikan

Wanita berperanan perkasa seni lukis bertaraf amatir

ALHAMDULILLAH dengan izin dan inayah Allah Subhanahu Wata'ala jua kita di pagi yang mulia di penghujung bulan Maulidur Rasul Rabiulawal penuh keberkatan ini dapat berkumpul bagi Majlis Pembukaan Rasmi, Pameran Seni Visual. Peramba / saya berterima kasih kepada Yayasan Seni Zakaria Omar (YSZO) di atas kesempatan untuk bersama menjayakan pameran bersejarah ini.

Peramba / saya difahamkan Pameran Seni Visual yang diunggayakan bersama oleh YSZO dan Brunei Art Forum ini adalah julung kalinya dianjurkan dengan tema 'Sensation'. Tema yang sangat signifikan dengan *personality* wanita, lebih-lebih lagi pengkaryanya adalah terdiri daripada wanita dari pelbagai peringkat umur. Peserta termuda berusia 10 tahun, manakala 90% adalah golongan belia.

Pihak penganjur memaklumkan, pada mulanya Pameran 'Sensation' ini, cuma menyasarkan 15 hingga 20 orang pelukis wanita sahaja, akan tetapi sambutan penyertaan sangatlah menggalakkan dan mencapai lebih dua kali ganda peserta dari jumlah sasaran awal dan lebih 70 karya seni visual akan dipamerkan di pameran perdana ini. Ini membuktikan bahawa, kaum wanita juga mempunyai ruang untuk berpatisipasi dan memainkan peranan yang proaktif dalam memperkasakan seni lukis dan persembahan yang bertaraf amatir dan profesional. Adalah suatu hakikat, bahawa seni merupakan impak tamadun sesebuah bangsa dan negara menuju ke arah negara-bangsa moden dan bermaruah. Gabungan pelukis celik, remaja dan dewasa merupakan suatu jaringan sinergi kesinambungan dan menjadi pewaris penerus seni tanah air.

Usaha murni dan kejayaan pihak penganjur menghimpunkan penyertaan dan kumpulan karya seni visual terdiri daripada pelbagai genre seni lukis, persembahan dan lain-lain dalam suatu aktiviti berupa pameran dan jualan ini setentunya dapat memasyarakatkan seni serta menjana ekonomi. Sebagai sebuah Yayasan Seni yang bukan berorientasikan keuntungan, juga sedikit sebanyak akan dapat membantu anak tempatan bekerjaya, berdikari dan tidak semata-mata bergantung kepada bantuan mana-mana pihak. Malah dengan pendekatan 'Whole of Nation' ternyata akan dapat menyumbang bakti kepada negara - bangsa dalam pembangunan negara. Penyertaan dalam bidang seni khususnya seni lukis dan seni persembahan serantau dan antarabangsa akan terus memantapkan usaha memartabatkan seni lukis negara di persada global.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS)



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar General (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof semasa berucap pada Majlis Pembukaan Rasmi Pameran Seni Visual pada Ahad, 28 Rabiulawal 1439 Hijrah / 17 Disember 2017 Masihi bertempat di Atrium, Seri Qlap Mall, Kiulap.

akan sentiasa memberikan sokongan moral dan material ke arah memaju jayakan 'industri kreatif' di tanah air agar akan dapat merentas sempadan negara ke negara-negara membangun di dunia.

Peramba / saya menaruh harapan semoga YSZO dan Brunei Arts Forum, akan sentiasa terus memacu kejayaan, dalam mencapai objektif penubuhannya dan dapat membntu pihak kerajaan, khususnya KKBS ke arah mencapai Wawasan Seni Budaya Nasional, khususnya Dasar Kebudayaan Negara.

Peramba / saya juga difahamkan dengan inisiatif YSZO yang kesemua pengkaryanya wanita yang mengikut pameran ini bersetuju untuk menubuhkan sebuah kelab seni wanita yang akan menjurus dalam bidang kesenian dan kraf tangan. Kelab ini akan bernaung terus di bawah pengurusan YSZO.

Satu perkembangan atau trend menggembirakan ialah difahamkan juga dalam pameran kali ini beberapa orang belia telah menawarkan diri untuk menjadi sukarelawan, peramba / saya yakin dan

percaya, semangat kesukarelawanan yang disemai pada satu-satu program seumpama ini apabila dilakukan dengan ikhlas dan tanpa mengharapkan balasan, mampu memupuk perpaduan, semangat patriotisme dan kekitaan di antara semua rakyat, pada mengukuhkan ketahanan nasional lebih-lebih lagi tatkala negara rancang mengatur langkah bagi mencapai Wawasan Brunei 2035.

Peramba / saya juga di kesempatan ini memberikan penghargaan kepada pihak Seri Qlap Mall kerana berkesudian untuk menaja penggunaan ruang legar yang cukup sesuai untuk berpameran dan mengadakan aktiviti yang relevan dengannya.

Peramba / saya menyambut baik makluman diterima bahawa pihak YSZO dan Brunei Art Forum telah mengadakan beberapa sesi perbincangan dan perjumpaan bersama pihak pengurusan Seri Qlap Mall di mana inti pati perbincangan berupa projek kolaborasi yang berupa *win win project* untuk menjadikan Seri Qlap Mall sebagai salah satu hub industri kreatif, suatu pilihan selain Pusat Belia dan di mana para belia yang bergiat langsung dengan industri ini akan disediakan satu tempat yang sesuai untuk memasarkan produk seni mereka sama ada dalam bentuk visual produk atau *creative services* mengikut kemahiran mereka. Peramba / saya yakin dengan lokasinya yang strategik dan berada di persekitaran komersial sedikit sebanyak dapat merealisasikan objektif projek berkenaan. Usaha murni seumpama ini yang mencerminkan keprihatinan pihak pengurusan Seri Qlap Mall kepada masyarakat sekeliling adalah sangat-sangat dihargai dan diharap akan dapat jadi ikutan bagi pengusaha-pengusaha lain.

Dengan mendahulukan kalimah agung *Bismillahir Rahmanir Rahim* dan bertawakal ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, berselawat ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, peramba /saya sukacita melancarkan Pameran Seni Visual Sensation All Women Artist Art Exhibition anjuran YSZO dan Brunei Art Forum. Dan diselajurkan juga dengan Perasmian Kelab Brunei's All Women Art Club (BAWA Club) yang bernaung di bawah YSZO.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

'KERAJAAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) akan sentiasa memberikan sokongan moral dan material ke arah memaju jayakan 'industri kreatif' di tanah air agar akan dapat merentas sempadan negara ke negara-negara membangun di dunia.'

Dari Sidang Pengarang.

15 JANUARI 2018 BERSAMAAN 1439 ربيع الآخر 28

KESIHATAN ANUGERAH ISTIMEWA

KESIHATAN merupakan anugerah yang istimewa kepada manusia. Jika badan awda sihat, pastinya segala perancangan harian mahupun mingguan dan seterusnya berjalan lancar, namun apabila kesihatan awda terganggu pastinya sedikit sebanyak akan menyekat pegerakan kebiasaan, kerja juga hidup awda khasnya dan keluarga amnya.

Terdapat beberapa cara yang dapat dilakukan dalam memastikan tahap kesihatan di tahap baik. Seorang perokok umpamanya, boleh mengambil langkah permulaan dengan membuat percubaan untuk berhenti merokok.

Merokok boleh menyumbang pada pelbagai masalah kesihatan, antaranya masalah pernafasan, masalah hati, hipertensi dan kanser. Cuba cari sebab yang paling utama mengapa awda perlu berhenti merokok? Cuba lakukannya demi orang yang tersayang.

Ini kerana perokok pasif (bukan prokok) boleh mengalami kesan yang sama. Berhenti merokok bukan sahaja bertujuan untuk memperbaiki kesihatan awda khasnya juga untuk orang sekeliling awda amnya. Ia juga dapat menjimatkan wang.

Ambil sarapan secara sihat dan makan malam ringan kerana metabolisme memuncak pada waktu pagi dan menurun menjelang malam. Tidak mengambil sarapan atau mengurangkan pengambilan kalori tidak membantu mengawal berat badan dalam jangka panjang.

Banyakkan minum air untuk menahan selera makan awda. Selain untuk mengelakkan dehidrasi, ia juga boleh menurunkan berat badan kerana ia mengurangkan pengambilan makanan. Minum sekurang-kurangnya dua liter atau lapan gelas air sehari. Ini bukan sahaja bagi memastikan tubuh dapat berfungsi dengan baik, tetapi juga membantu membersihkan dan membuang toksik serta mengekalkan kecantikan kulit.

Kurangkan stres dengan senaman sama ada berjoging, mengayuh basikal, bermain bola dan sebagainya dengan mengajak seseorang untuk menemani awda agar lebih bersemangat. Selain itu, bawalah membaca ayat suci Al-Quran, berzikir atau mendengar muzik agar stres boleh berkurangan.

Apabila keluar membeli-belah, letakkan kenderaan sejauh mungkin. Gunakan kesempatan tersebut untuk berjalan. Naiki anak-anak tangga berbanding eskalator atau lif, di mana ia juga mampu melegakan stres.

Apabila bekerja dalam pejabat, ambil masa selama lima minit untuk membuat regangan, berjalan atau sebagainya. Cara itu boleh meningkatkan aktiviti fizikal dan produktiviti serta rasa lebih baik sepanjang hari.

Senaman terbaik dan mudah adalah dengan berjalan. Senaman berterusan juga membantu mengawal obesiti yang menyumbang pada pelbagai penyakit seperti jantung, diabetes dan sebagainya. Mengekalkan kecergasan dan berat badan sihat membantu meningkatkan kualiti kehidupan.

Kurangkan stres dengan senaman, senaman mudah dengan berjalan, perbanyak membaca Al-Quran, tambah dengan zikrullah atau muzik yang menenangkan jiwa apabila didengarkan, semoga stres berkurangan, keriangan bertambah.

Kekalkan kecergasan juga berat badan, kesihatan berkekalan, semua urusan berterusan, tanpa gangguan. Amalkan hidup sihat, agar badan cergas, kuatkan semangat, agar impian tergalas. Elak makan berlebihan, merokok berterusan, galakkan senaman, walau sekadar berjalan. Kesihatan anugerah istimewa, badan sihat keluarga ceria, hati gembira, urusan berjaya, ekonomi terjana. - **Ketua Penyuntingan (Nb).**

RAMALAN CUACA 3 HARI

ISNIN	SELASA	RABU
BANDAR SERI BEGAWAN		
31 25 °C	31 25 °C	31 25 °C
PEKAN BANGAR		
31 24 °C	30 24 °C	31 24 °C
PEKAN TUTONG		
31 24 °C	31 24 °C	31 24 °C
KUALA BELAIT		
31 24 °C	31 24 °C	31 24 °C

Wallaahuallam Btissawab
Jabatan Kaji cuaca
Brunei Darussalam
www.mef.gov.bn

Talian Cuaca
114

Brunei WX
App

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi JANUARI	HARI	Hijrah RABIULAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
15	ISNIN	28	5.01	5.11	6.33	6.57	12.31	3.52	6.25	7.39
16	SELASA	29	5.02	5.12	6.34	6.58	12.31	3.53	6.26	7.40
17	RABU	30	5.02	5.12	6.34	6.58	12.31	3.53	6.26	7.40
18	KHAMIS	1 JAMADILAWAL	5.02	5.12	6.34	6.58	12.32	3.53	6.27	7.40
19	JUMAAT	2	5.03	5.13	6.35	6.58	12.32	3.54	6.27	7.40
20	SABTU	3	5.03	5.13	6.35	6.58	12.32	3.54	6.27	7.41
21	AHAD	4	5.03	5.13	6.35	6.59	12.32	3.54	6.28	7.41

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN 991 | **POLIS** 993 | **BOMBA** 995 | **PENYELAMAT** 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam

NDMC
123 | 2380214

Lawat kawasan terjejas banjir di Daerah Tutong, Belait



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong mendengarkan sesi taklimat ringkas dari Stesen Komander mengenai dengan kejadian banjir yang telah berlaku dan keadaan semasa di Daerah Belait (kiri). Sementara gambar kanan, Yang Berhormat meninjau kawasan dilanda banjir, iaitu kawasan Kampung Benutan, Kampung Penapar dan beberapa batang jalan termasuklah Jalan Bangkuru, Jalan Rambai, Jalan Kuala Ungar - Rambai dan Jalan Kecil Layong, Tutong.

Siaran Akhbar dan Foto : Noraisah Haji Muhammed, Ihsan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Dari muka 1

Pada masa ini jalan-jalan berkenaan telahpun kering dan dapat dilalui oleh semua jenis kenderaan.

Agensi-agensi kerajaan di bawah DDMC Tutong sentiasa bersedia dari masa ke semasa dan akan bertindak secara bersepadu bagi sebarang kemungkinan yang berlaku berikutan keadaan cuaca pada masa ini yang tidak menentu.

Hadir sama di lawatan kerja tersebut ialah Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong juga selaku Penghulu Mukim Tanjong Maya

dan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit juga selaku Penghulu Mukim Telisai.

Turut hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof; Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Pegawai Daerah Tutong, Pengarah Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan dan Pemangku Pengarah Bomba dan Penyelamat, Ahli-ahli Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Tutong (DDMC), Pegawai-pegawai Kanan KHEDN serta Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung.

Sementara itu pada hari yang

sama, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong dan rombongan juga meninjau dengan lebih dekat lagi kawasan yang terjejas banjir di Daerah Belait.

Lawatan dimulakan dengan sesi taklimat ringkas daripada Stesen Komander mengenai dengan kejadian banjir yang telah berlaku dan situasi keadaan semasa.

Selepas mendengarkan taklimat, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri meninjau keadaan rumah-rumah yang terjejas.

Antara tempat yang terjejas ialah Kampung Sungai Mau, Jalan Laid Lakang dan Jalan Kandul, Kampung Bukit Sawat, dan Simpang 1366, Jalan Merangking Hilir, Kampung Merangking.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Hanapi bin

Mohd Siput, selaku Pemangku Penghulu Mukim Labi; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof; Timbalan Setiausaha Tetap KHEDN, Awang Ajman bin Haji Meludin; Pengarah Pusat Pengurusan Bencana

Kebangsaan dan Pemangku Pengarah Bomba dan Penyelamat, Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said; Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Abdol Hazis bin Haji Ahad; Ahli-ahli Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Belait dan pegawai-pegawai kanan KHEDN.

KSSUP pantau perkembangan perusahaan ternakan ayam

Dari muka 1

Teknologi yang dipakai pada masa ini ujar Yang Berhormat, adalah menggunakan teknologi yang amat baik, iaitu sistem tertutup di mana kawalan dari segi suhu dalam reban amat terkawal ketika anak ayam lingkungan sehari dan dua minggu suhu akan dinaikkan dan selepas itu suhu akan diturunkan untuk keperluan membesar.

Tambah Yang Berhormat, dari segi pemberian makan ayam begitu ber sistematis menggunakan *auto motion* dan dari segi kebersihan pun nampak terkawal dan teratur.

Dengan keadaan yang berdisiplin maka pengurusan yang baik akan mengurangkan kematian ketika umurnya sehari hingga ke 40 hari.

KSSUP jelas Yang Berhormat, akan terus membantu dari segi pemantauan, iaitu cara mereka mengusahakan mengikut cara yang terbaik seperti infrastrukturnya, cara memberi makan dan minuman dan pencegahan penyakit, mengawal kebersihan.

Sementara bagi orang yang mengusahakan juga penting menjaga kebersihan untuk mengelakkan sebarang jangkitan penyakit dan memastikan kadar kematian adalah rendah seperti contoh di ternakan ini kematian hanya kurang 50 peratus sahaja.

Dalam pada itu, Jabatan



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong semasa ditemu bual oleh wakil-wakil media tempatan.

Pertanian dan Agrimakanan sentiasa membuat pemantauan ke atas ladang-ladang di bawah Kawasan Kemajuan Pertanian bagi memastikan tapak berkenaan akan sentiasa diusahakan bagi tujuan pengeluaran mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Tular dua lelaki menjual minyak wangi untuk menculik tidak benar

Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

SERIA, Sabtu, 13 Januari. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah menjalankan siasatan mengenai maklumat yang diterima baru-baru ini mengenai kenyataan yang disebarkan melalui media sosial aplikasi WhatsApp mengenai dua lelaki berbangsa India yang dipercayai menjual minyak wangi sebagai taktik untuk melakukan jenayah culik di Sekolah St. Margaret, Seria Daerah Belait.

Siasatan telah dijalankan di Sekolah St. Margaret dan hasil daripada perjumpaan bersama pengetua dan guru sekolah tersebut menyatakan, mereka tidak ada menerima maklumat sedemikian dan perkara tersebut adalah tidak benar seperti yang tersebar. Walau bagaimanapun, siasatan lanjut berhubung mesej tular serta gambar dua warga luar tersebut telah pun dijalankan.

Sehubungan itu, PPDB menasihatkan orang ramai supaya jangan sekali-kali terlibat dalam mengeluarkan dan menyebarkan maklumat-maklumat yang tidak sah dan tidak berasas. Selain itu juga, orang ramai juga diperingatkan agar tidak mudah mempercayai dan berasa cemas terhadap maklumat-maklumat mencurigakan yang belum dipastikan kesahihannya. Kesalahan-kesalahan sedemikian boleh diambil tindakan di bawah perundangan Penggal 148 Akta Ketenteraman Awam Seksyen 34, iaitu sesiapa yang sama ada, menggunakan lisan atau tulisan atau menggunakan sebarang cara, menyebarkan laporan yang salah atau membuat kenyataan yang salah yang boleh menyebabkan ketenteraman awam terganggu boleh dihukum penjara tiga tahun dan denda sebanyak BND3,000.

Juga dalam Penggal 24 Akta Hasutan Seksyen 4 (1), iaitu sesiapa sahaja melakukan atau mencuba untuk melakukan atau menyediakan atau bersubahat untuk menjalankan hasutan; menggunakan perkataan yang merupakan hasutan; mencetak, menyiarkan, menjual, menawarkan untuk menjual, mengedarkan atau mencetak semula sebarang hasutan; serta membawa masuk sebarang warta yang berbentuk hasutan, kecuali dia tidak mempunyai sangkaan bahawa ia berbentuk hasutan.

Mereka yang melakukan kesalahan-kesalahan tersebut boleh dikenakan hukuman penjara sehingga dua tahun dan denda BND5,000, bagi kesalahan pertama, dan bagi kesalahan yang sama seterusnya akan dikenakan hukuman penjara tiga tahun dan denda dan sebarang bentuk warta hasutan akan dirampas dan dimusnahkan.

Penggunaan teknologi sistem reban ayam tertutup tingkatkan produktiviti



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong dan rombongan membuat lawatan bagi meninjau perusahaan reban ayam tertutup yang diusahakan oleh Perusahaan Riza Fudhlana Farming milik Pengiran Haji Haris bin Pengiran Haji Duraman, salah sebuah anak syarikat di bawah naungan Riza Group di Kawasan Kemajuan Pertanian Tanah Tuah, Bebatik Kulapis (kiri, kanan dan bawah).

KULAPIS, Sabtu, 13 Januari. - Perusahaan Riza Fudhlana Farming milik Pengiran Haji Haris bin Pengiran Haji Duraman, salah sebuah anak syarikat di bawah naungan Riza Group menggunakan teknologi sistem reban ayam tertutup yang boleh menampung 20,000 hingga 23,000 ekor ayam setiap pusingan.

Sehubungan itu, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong, membuat lawatan bagi meninjau perusahaan reban ayam tertutup yang diusahakan di Kawasan Kemajuan Pertanian Tanah Tuah, Bebatik Kulapis seluas enam hektar.

Hadir sama, Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Pengarah Pertanian dan pegawai-pegawai Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Pada tahun 2017, terdapat sembilan unit reban sedang beroperasi, di mana telah

menghasilkan sebanyak 1,750 metrik tan ayam pedaging yang bernilai BND7.9 juta.

Perusahaan tersebut merancang untuk menambah enam buah reban pada tahun 2018 yang berkapasiti 25,000 ekor bagi setiap reban.

Dalam pada itu, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan sentiasa memberikan sokongan yang berterusan melalui khidmat nasihat, penyediaan kawasan yang bersesuaian dalam mengusahakan ternakan ayam lebih-lebih lagi di dalam penggunaan teknologi tinggi.

Ini akan dapat meningkatkan lagi produktiviti dan pengeluaran ayam pedaging bagi pasaran tempatan dan seterusnya menembusi pasaran luar negeri dengan program piawai ladang dalam pengurusan penternakan (kebersihan dan biosekuriti ladang).

Di samping itu, pengurusan rekod-rekod ladang juga adalah penting di dalam pengurusan

ladang bagi memudahkan pengesanan penyakit serta dapat menjamin kualiti sesebuah ladang ternakan.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Masri Osman



Riza Fudhlana Farming rancang buka tapak penetasan telur

KULAPIS, Sabtu, 13 Januari. - Perusahaan Riza Group bermula

pada tahun 2013 dengan mendapatkan tapak dari Jabatan

Pertanian mula menceburi bidang menternak ayam dan daging.

Pada awal penubuhan syarikat berkenaan, hanya memiliki dua buah reban dan syarikat itu terus menampakkan perkembangan yang positif dan progresif dengan penambahan lagi dua buah reban ayam tertutup pada tahun 2015.

Tugas-tugas pengendalian reban-reban ayam tersebut dilakukan oleh para pekerja asing yang berpengalaman namun dari sudut pengurusan Syarikat Riza Fudhlana Farming pula majoritinya adalah anak-anak tempatan termasuk anak-anak pengurus syarikat berkenaan.

Menurut Pengurus Pentadbir, Syarikat Riza Fudhlana Farming, Dayangku Syazanabillah binti Pengiran Haji Haris, peningkatan dari penghasilan dari tahun 2013 begitu ketara sekali kerana dari

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Masri Osman



ANAK-ANAK Pengiran Haji Haris bin Pengiran Haji Duraman, iaitu Pengurus Pentadbir, Dayangku Syazanabillah binti Pengiran Haji Haris (kiri) dan Pengurus Operasi, Awangku Haziq bin Pengiran Haji Haris (kanan) membantu menjayakan perusahaan Riza Fudhlana Farming milik bapa mereka.

permulaan hanya mempunyai satu reban ayam yang hanya dapat menampung dalam 22,000 ekor ayam sahaja.

Penghasilan dalam setahun jelasnya, amat baik sekali hingga mencecah penghasilan lebih 100 peratus peningkatannya daripada tahun 2013 hingga 2017.

"Perancangan selanjutnya akan kami usahakan, iaitu membuka tapak penetasan telur ayam di Mulaut. Diharap belia-belia pada masa ini akan dapat berkecimpung dalam perusahaan ternakan ayam dan daging," jelasnya.

Manakala Pengurus Operasi syarikat tersebut, Awangku Haziq bin Pengiran Haji Haris, semasa ditemu bual pula menjelaskan,

penetasan telur itu bermula dengan permasalahan yang dihadapi oleh syarikat, iaitu masalah mendapatkan telur dan anak ayam yang begitu berkurangan.

Menurutnya, untuk mendapatkan anak ayam sahaja begitu susah sekali kerana masanya tidak tentu. Dalam pengalaman dua tahun menternak ayam ini katanya, banyak masalah untuk mengambil anak ayam di luar negeri.

Beliau menambah, dengan adanya bangunan untuk penetasan telur itu nanti maka memudahkan syarikat tersebut mengusahakan telur ayam dan berharap akan dapat mempelajari cara-cara untuk mengusahakan penetasan telur.

Jaga aurat ketika berswafoto

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi



PEMANGKU Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud hadir pada Tazkirah Subuh yang bertajuk 'Swafoto Satu Bonus' yang disampaikan oleh Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar di Masjid Omar 'Ali Saifuddin di ibu negara.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 14 Januari. - Kecanggihan teknologi dewasa kini banyak membantu dalam memudahkan urusan seharian seperti teknologi telefon bimbit yang dilengkapi dengan kamera, yang tidak hanya berkapasiti tinggi malah mudah alih yang memungkinkan ia dibawa ke

sana sini. Dengan terbit kecanggihan tersebut membolehkan para pengguna untuk merakamkan detik-detik istimewa dan penting bagi ristaan seperti gambar-gambar swafoto atau lebih dikenali dengan *selfie*. Dalam kita berswafoto beberapa perkara penting hendaklah sentiasa

diingati baik dan buruknya, seperti menjaga aurat dan keaiban agar gambar-gambar berkenaan dapat dimanfaatkan sebaiknya dan bukan sebaliknya yang mendatangkan bencana dan perkara negatif. Perkara tersebut merupakan antara perincian yang dikongsikan semasa Tazkirah Subuh 'Swafoto

Satu Bonus' yang disampaikan oleh Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, di sini. Antara yang hadir bersama-sama jemaah masjid bagi menjayakan program tersebut ialah Pemangku

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Pemangku Setiausaha Tetap, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang dan Timbalan Setiausaha Tetap, Awang Roslan bin Haji Taja'ah serta para pegawai dan kakitangan KHEU.

Luangkan masa beriadah di Bandarku Ceria

Video mata wang palsu BND100

Siaran Akhbar : Autoriti Monetari Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 Januari. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) mendapati bahawa ada video berhubung dengan mata wang palsu BND100 yang disebarkan melalui media sosial dan pesanan ringkas.

AMBD, setelah membuat siasatan, mendapati bahawa mata wang tersebut adalah mata wang kertas dan tidak mempunyai ciri-ciri mata wang polimer, khususnya mata wang polimer BND100.

AMBD ingin mengongsikan bahawa mata wang-mata wang polimer mempunyai ciri-ciri keselamatan yang tersendiri.

Butiran mengenai ciri-ciri keselamatan ini boleh didapati di laman sesawang AMBD.

AMBD ingin mengingatkan orang ramai bahawa menurut seksyen 13 daripada Perintah Mata Wang 2004 (Currency Order 2004), mana-mana orang yang mengeluarkan mata wang dan duit syiling, atau apa-apa dokumen atau tanda, yang serupa atau mungkin dianggap sah diperlakukan, jika sabit kesalahan akan didenda, dipenjarakan tidak melebihi 15 tahun, atau kedua-dua sekali.

Memiliki wang palsu adalah juga satu kesalahan di bawah Kanun Hukuman Jenayah (Bab 22), dan jika sabit kesalahan akan didenda dan penjara tidak melebihi 10 tahun.

AMBD juga ingin mengingatkan orang ramai untuk sentiasa berhati-hati dan untuk melaporkan mana-mana mata wang yang diragui kepada pihak Polis Diraja Brunei atau AMBD.

Bagi sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi AMBD melalui talian +673 2388388; e-mel info@ambd.gov.bn; AMBD App, yang boleh dimuat turun melalui App Store dan Google Playstore; melayari laman sesawang AMBD di <http://www.ambd.gov.bn>; atau dengan mengikuti AMBD di Instagram, melalui [@autoriti_monetari](https://www.instagram.com/autoriti_monetari).

Berita dan Foto : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 14 Januari. - Aktiviti-aktiviti Program Bandarku Ceria di Bandar Seri Begawan (BSB) terus dihidupkan dengan suasana hujung minggu yang sangat segar dengan melakukan pelbagai kegiatan bersama keluarga dan kawan-kawan seperjuangan.

Seawal pagi mereka sudah berduyun-duyun untuk berkunjung ke ibu negara untuk sama-sama mengisi masa lapang dengan melakukan aktiviti sukan serta riadah bersama keluarga juga kawan-kawan sambil menikmati suasana pagi.

Pelbagai lapisan masyarakat yang terdiri dari warga emas,

belia-belia dan kanak-kanak sama-sama memeriahkan Bandarku Ceria dengan melakukan aktiviti berbasikal, berjalan kaki, senamrobik, berjoging, tinju, *Death Match* selain aktiviti bermain *bouncer* dan sebagainya.

Program Bandarku Ceria yang diadakan setiap minggu bertujuan untuk menghidupkan suasana dan menjadikannya sebagai sebuah bandar yang dinamik dan unggul.

Dalam pendekatan Pelita Brunei bersama Awang Haji Jahari @ Azahari bin Gamuk, 66, dari Kampung Lambak Kanan yang bermain alat-alat muzik tradisional di Bandarku Ceria menjelaskan, beliau mula bermain alat muzik di ibu negara ini sejak Februari tahun lepas dan turut menjual cincin, barang antik yang sebahagiannya



AWANG Haji Jahari @ Azahari bin Gamuk, 66, dari Kampung Lambak Kanan yang bermain alat-alat muzik tradisional di Bandarku Ceria.

merupakan koleksi beliau. Menurutnya, Bandarku Ceria memang tidak dinafikan merupakan satu program yang sangat bagus untuk ahli keluarga meluangkan masa bersama sambil beriadah di hujung minggu.



MEMERIAHKAN suasana Bandarku Ceria dengan melakukan aktiviti berbasikal.

Peserta Program Strayholders terima sijil



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, selaku Ketua Kampung Masjid Lama Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong menyampaikan sijil penyertaan kepada peserta (kiri), manakala gambar kanan, Yang Berhormat menerima cenderahati daripada Dayang Noor Amal Azirah binti Haji Azlan selaku Ketua Kumpulan.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 Januari. - Program Strayholders anjuran peserta Program Eksekutif Muda Kohort Ke-2 yang dikendalikan oleh Institut Perkhidmatan Awam (IPA)

kini melabuhkan tirainya dalam Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Penyertaan dan Penghargaan yang berlangsung di Dewan Penghayatan, IPA, Rimba, di sini. Penyampaian sijil kepada 28 belia dan 60 orang sukarelawan disempurnakan oleh Ahli Majlis

Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, selaku Ketua Kampung Masjid Lama Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong. Program Strayholders yang dilancarkan pada 5 Disember 2017

diisi dengan pelbagai aktiviti ceramah, perbincangan serta lawatan ke tempat-tempat yang berkaitan dengan isu yang dibincangkan.

Ia merupakan projek yang dikendalikan oleh para peserta Program Eksekutif Muda Kohort Ke-2 yang terdiri daripada beberapa pegawai Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Program tersebut antara lain bertujuan untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran kepada belia mengenai isu binatang terbiar, selain untuk mendidik serta meningkatkan kesedaran para belia tentang tanggungjawab untuk menjaga binatang peliharaan.

Di samping itu, program juga diisi dengan ilmu kepimpinan dan aktiviti kemasyarakatan yang diharap akan meningkatkan kemahiran para peserta program.

Turut hadir ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turki ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Mehmet Suat Akgun; dan Pengarah Pengurusan dan Pembangunan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Dayang Hajah Noor Airah binti Haji Abdul Rahman.

Hargai seni lukis tempatan sebagai budaya warisan



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin menyempurnakan penyampaian sijil penghargaan kepada seorang pelukis (kiri), manakala gambar kanan, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid melawat lukisan-lukisan yang dipamerkan.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

KUALA BELAIT, Sabtu, 13 Januari. - Sejumlah 47 karya lukisan dari seramai 21 pelukis tempatan dipamerkan pada Pameran Seni Lukis : Spektrum Belait yang dibuka bagi kunjungan orang ramai sehingga 30 Jun 2018 bertempat di Muzium Daerah Belait, Jalan Maulana, di sini.

Perasmian pameran tersebut telah disempurnakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul

Hamid bin Haji Mumin selaku Penghulu Mukim Liang.

Yang Berhormat semasa berucap menjelaskan, bahawa pameran tersebut bertujuan untuk meningkatkan martabat seni lukis kebangsaan ke tahap yang lebih tinggi sekali gus membarigakan Muzium Daerah Belait kepada penduduk tempatan dan pelancong dari luar negara.

Oleh itu, Yang Berhormat menyarankan Jabatan

Muzium-Muzium untuk mencari pendekatan tentang bagaimana mendidik masyarakat untuk menghargai seni lukis tempatan dari segi nilai dan estetika sesebuah karya lukisan.

Sementara itu, Pemangku Pengarah Muzium-Muzium, Awang Haji Mohamad Jefri bin Haji Sabli pula berkata pameran tersebut adalah salah satu usaha berterusan jabatan untuk mengangkat seni lukis sebagai salah satu wadah budaya warisan yang amat berpotensi untuk diperkembangkan lagi di persada umum, selain dari menjadi mata pencarian bagi para penggiat seni tanah air.

Spektrum Belait mempamerkan terjemahan pelukis yang merangkumi pelbagai tajuk termasuk budaya dan warisan, ekonomi, alam semula jadi, mercu tanda sejarah, kegiatan sosial dan kraf tangan yang terdapat di Daerah Belait.

Pelukis-pelukis yang menyertai pameran Spektrum Belait terdiri daripada pelukis-pelukis perintis dan pengalaman serta yang telah mengukir nama di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa.

Selain pameran, aktiviti sampingan juga turut disediakan mengikut jadual, khusus untuk menarik murid-murid dan

penuntut-penuntut yang ingin belajar dan mengetahui tentang teknik *free sketching*, *the Art of Pointilism*, *collage*, *basic stamping* dan pembuatan cenderamata.

Antara pelukis yang bakal memberi tunjuk ajar nanti terdiri daripada pelukis-pelukis Jabatan Muzium-Muzium, iaitu Awang Kassim Ismail, Alias Asat, Osman Bakir, Awang Haji Rosli Haji Kadir (AHR) dan Wafi HMS.

Waktu lawatan bagi Muzium Daerah Belait ialah dari Sabtu hingga Rabu, jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang dan masuk adalah percuma.

99 peserta Program Satu Minggu Satu Juzuk diraikan



PEMANGKU Penolong Pengarah (Profesional) Jabatan Pengajian Islam (JPI), Dayang Hajah Norjarah binti Haji Luidin hadir selaku wakil peribadi Pemangku Pengarah Pengajian Islam, JPI pada Majlis Khatam Al-Quran Sekolah Agama Pengiran Anak Puteri Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah (kanan). Sementara gambar kiri, murid-murid yang diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 Januari. - Program Satu Minggu Satu Juzuk diadakan sebagai mendukung dan menjunjung tinggi hasrat titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu pendidikan agama khususnya Al-Quran peringkat asas perlu dititikberatkan agar ia kukuh dan mantap.

Melalui Program Satu Minggu Satu Juzuk, seramai 99 peserta terdiri dari murid-murid Darjah Pra hingga Darjah V, iaitu 38 murid lelaki dan 61 murid perempuan berjaya menghabiskan pembacaan 30 Juz Al-Quran (Khatam Al-Quran) semenjak program tersebut mula diperkenalkan pada bulan Februari tahun 2016.

Bagi meraikan para peserta khatam, Sekolah Agama Pengiran

Anak Puteri Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah (SUPAPMHB) mengadakan Majlis Khatam Al-Quran di Dewan Serbaguna sekolah berkenaan di Kampung Serusop.

Pemangku Penolong Pengarah (Profesional) Jabatan Pengajian Islam, Dayang Hajah Norjarah binti Haji Luidin hadir selaku wakil peribadi tetamu kehormat majlis, Pemangku Pengarah Pengajian Islam, Jabatan Pengajian Islam, Dayang Hajjah binti Haji Moktal.

Majlis Khatam dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah

diketahui oleh Dayang Hajah Norjarah manakala Surah an-Nas dibacakan oleh peserta khatam sementara bacaan Tahtim daripada guru-guru Brunei IIB.

Diikuti dengan bacaan Doa Khatam Al-Quran dari salah seorang peserta khatam disusuli dengan persembahan Dikir Marhaban daripada guru-guru lelaki Brunei IIB menyerikan majlis.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil-sijil khatam oleh wakil peribadi tetamu kehormat majlis.

Majlis tersebut merupakan salah satu aktiviti tahunan sekolah yang dihasrat akan dapat mengeratkan kerjasama dan perpaduan dalam kalangan tenaga pengajar, ibu bapa atau penjaga dan para murid.

Dengan adanya program seumpama ini, ia akan dapat memantapkan lagi mutu bacaan Al-Quran murid-murid di sekolah agama menerusi amalan membaca Al-Quran secara bertalaqqi sekali gus menyuntik dan mendidik murid-murid agar sentiasa membaca, mencintai, mendengar Al-Quran sebagai amalan harian mereka.

Lebih 60 kursus disedia, tingkatkan profesional guru

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

SENGKURONG, Sabtu, 13 Januari. - Akademi Guru Brunei Darussalam (BDTA) mengadakan sesi kedua perjumpaan bersama pemimpin-pemimpin sekolah Kluster 4, Kluster 5, Kluster 6 dan Sekolah-Sekolah Arab (Tutong dan Belait).

Antara objektif sesi tersebut diadakan, adalah untuk memberi penekanan semula mengenai peranan / fungsi BDTA dan sokongan yang disediakan oleh pihak BDTA berkaitan perkembangan profesional

guru-guru untuk memenuhi jangkaan pihak sekolah tentang peranan dan tanggungjawab BDTA dan untuk memperkukuhkan dan mengeratkan silaturahim dengan pihak sekolah.

Pada sesi tersebut, BDTA mengongsikan kursus-kursus yang ditawarkan dan juga cara pendaftaran untuk mengikuti kursus secara dalam talian (*online*).

Terkini, terdapat lebih 60 kursus yang ditawarkan di akademi dan dibahagikan kepada lapan subjek



ANTARA guru-guru atau pemimpin-pemimpin sekolah yang menghadiri perjumpaan Akademi Guru Brunei Darussalam (BDTA) sesi kedua.

utama, iaitu Bahasa Melayu, Inggeris, Matematik, *Technology Enhanced Learning Environment (TELE)* iaitu kumpulan kursus yang berkaitan dengan teknologi

dalam pendidikan, Pengetahuan Agama Islam, *General Courses* yang berkaitan dengan pedagogi, Sains, dan Pendidikan Khas.

Maklumat lanjut mengenai cara pendaftaran dan kursus-kursus yang ditawarkan, guru-guru bolehlah melayari laman sesawang BDTA di bdta.moe.gov.bn.



MINDA PEMBACA

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Belia Masa Depan Bangsa Dan Negara'. Tarikh Tutup : 17 Januari 2018
2. 'Langkah Berjimat Cermat Menggunakan Elektrik'. Tarikh Tutup : 24 Januari 2018
3. 'Kibarkan Bendera Negara Dengan Megah'. Tarikh Tutup : 31 Januari 2018

Terma dan Syarat :


1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan 15 hingga 25 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

Sidang Pengarang, Minda Pembaca,

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB3510,
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel:

pelita.brunei@information.gov.bn

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



Menangi
BND75
Setiap Minggu

Penghantaran borang penyertaan perbarisan lalu, 20 Januari

Siaran Akhbar : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 Januari. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) sebagai Penyelaras Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34, Tahun 2018 sukacita memaklumkan tarikh penghantaran borang penyertaan perbarisan lalu bagi sambutan berkenaan adalah dilanjutkan sehingga Sabtu, 20 Januari 2018.

Untuk keterangan lanjut mengenainya, sila berhubung terus kepada Urus Setia Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34, Tahun 2018 di Tingkat 7, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan.

Borang juga boleh didapati laman sesawang di www.kkbs.gov.bn atau e-mel ke urusetiahk@kkbs.gov.bn atau hubungi talian +673 2382130 (DL); +673 2381903 / +673 2382911 sambungan 1661 / 1662 dan faks ke +673 2380536.

Pelajar Pusat Ehsan dihiburkan dengan persembahan Kumpulan Bollywood

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 Januari. - Pelajar-pelajar Pusat Ehsan Al-Hajjah Maryam berpeluang menyaksikan persembahan istimewa tarian Bollywood dari Sugar N Spice Mumbai berlangsung di Bangunan Baharu, pusat berkenaan.

Kumpulan Bollywood dari Republik India tersebut diketuai oleh Ms. Monica Narula.

Hadir menyaksikan persembahan berkenaan ialah Pesuruhjaya Tinggi India ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Nagma Mohamed Mallick.

Rombongan Sugar N Spice Mumbai dijemput oleh Pesuruhjaya Tinggi India ke Negara Brunei Darussalam dengan tujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim dan beramah mesra bersama warga pusat berkenaan.

Persembahan tersebut turut disaksikan oleh kakitangan, ahli-ahli pemegang amanah dan ahli-ahli pengurusan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam serta ahli-ahli dari persatuan BISTARI, BASMIDA, IWC dan SMARTER.

Mereka dihiburkan dengan

persembahan tarian Bollywood yang berlangsung selama satu setengah jam.

Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam adalah sebuah badan kebajikan bukan kerajaan dan tidak berasaskan keuntungan, menyediakan pembelajaran khas yang bermutu, latihan, pemeduliaan dan perkhidmatan pemulihan anggota kepada insan-insan istimewa di Negara Brunei Darussalam ini.

Pada masa ini seramai 227 insan-insan istimewa berdaftar dan mengikuti pelbagai program di Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam Bengkurong dan 53 insan-insan istimewa di Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam Cawangan Kuala Belait.



PESURUHJAYA Tinggi India ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Nagma Mohamed Mallick (tengah) semasa hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.



PARA pelajar Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam semasa hadir bagi menyaksikan persembahan istimewa tarian Bollywood dari Sugar N Spice Mumbai (kanan dan kiri). Majlis berlangsung di bangunan Baharu Pusat Ehsan Al-Hajjah Maryam, Bengkurong.

60 buah sekolah dilantik selaku tuan rumah aktiviti kokurikulum 2018



PEMANGKU Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Awang Haji Azis bin Haji Nayan ketika menyerahkan surat lantikan kepada salah seorang guru sekolah yang dilantik Menjadi Tuan Rumah Aktiviti Kkokurikulum Tahun 2018.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 Januari. - Jabatan Pendidikan Kokurikulum mengadakan Majlis Penyerahan Surat Lantikan dan Peralatan-

Peralatan kepada Sekolah-Sekolah yang Menjadi Tuan Rumah Aktiviti Kokurikulum Tahun 2018. Majlis diadakan di Ruang Legar, Jabatan Pendidikan

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Pendidikan Kokurikulum

Kokurikulum.

Majlis dimulakan dengan bacaan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan kata-kata aluan oleh Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Awang Haji Azis bin Haji Nayan.

Penyerahan surat lantikan tuan rumah dan peralatan-peralatan sukan seterusnya diserahkan oleh Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum kepada sekolah-sekolah yang telah dilantik untuk menjadi tuan rumah aktiviti-aktiviti kokurikulum bagi tahun 2018.

Sebanyak 36 sekolah rendah telah dilantik menjadi tuan rumah bagi aktiviti peringkat sekolah rendah. Manakala 24 sekolah menengah pula dilantik untuk menjadi tuan rumah bagi aktiviti-aktiviti di peringkat sekolah menengah dan maktab-maktab. Selain daripada surat lantikan tuan rumah, pihak sekolah juga diserahkan peralatan-peralatan sukan.

Keputusan peperiksaan melalui SMS

Siaran Akhbar :
Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 Januari. - Kementerian Pendidikan dengan inisiatif dan kerjasama dari DST Communications Sendirian Berhad (DST) dan Mach Telecommunications Systems Sdn. Bhd. (MachTel) akan menawarkan Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) Keputusan Peperiksaan Peringkat 'AS' dan 'A' Oktober / November 2017.

Pelanggan (pelajar dan ibu bapa) yang ingin melanggan perkhidmatan ini dikehendaki mendaftar secara dalam talian melalui webportal Kementerian Pendidikan di www.moe.gov.bn atau portal e-Darussalam di www.gov.bn.

Para pelanggan juga boleh mendaftar melalui telefon bimbit melalui Perkhidmatan Pesanan Ringkas dan perlu memasukkan teks berikut; MOE <jarak> REG <jarak> [CENTRE CODE] <jarak> [NOMBOR CALON] <jarak> [NO. I.C. CALON] dan hantar ke 8885555 untuk Pelanggan DST atau 38666 untuk Pelanggan Progresif Cellular Sdn. Bhd.

Adalah dimaklumkan bahawa para pelanggan tidak akan dikenakan caj untuk pendaftaran melalui Webportal Kementerian Pendidikan atau telefon bimbit.

Pelanggan boleh mula melanggan perkhidmatan ini dari jam 9.00 pagi dan seterusnya pada Ahad, 14 Januari 2018.

Keputusan peperiksaan hanya akan dihantar kepada pelanggan melalui SMS selepas mendapat kelulusan dari Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan bagi mengumumkan keputusan tersebut.

Bagaimanapun, pelanggan akan dikenakan bayaran sejumlah BND3.00 untuk setiap keputusan SMS yang diterima.

Dengan perkhidmatan ini, Kementerian Pendidikan berharap ia akan dapat memberi manfaat kepada orang ramai terutama ibu bapa dan pihak-pihak yang berkepentingan dengan Kementerian Pendidikan secara umumnya.

Maklumat lanjut atau sebarang pertanyaan mengenai cara mendaftar, bolehlah menghantar e-mel ke mach@machbrunei.com atau melayari laman sesawang di <http://www.machbrunei.com/moe/welcome.php>.

سوره رزقي

كليهن ممينا مسجد

مسلمين يغ درحمي الله،

ماريله كيت مينغكتكن كتقوان كيت كفتد الله سبحانه وتعالى دغن فتوه كيقين دان كخالصن دغن ملاكوكن سكل سوروهنن دان مينغكلكن سكل لاراغنن. مدهمدهان كيت منجادي انسان يغ برلمان دان برتقوى سرت سلامة ددنيا دان سلامة داخرة.

مسلمين يغ درحمي الله،

سغكوهن مسجد اياله تمقه يغ مليا لاكي سوجي. قرانن مسجد دالم كهيلوقن كيت اومه اسلام اداله ساعة فتنيغ. كران اينله فركارا اوتام يغ دلاكوكن اوله رسول الله صلى الله عليه وسلم ستله برهجره كمدينه اداله دغن ممينا مسجد ياييت مسجد قباء. دري مسجد اينله برمولا قيبان دان فتوكون شعار اسلام يغ برقرانن سباكي فوسه فرعادتن، فوسه علم فتوكون، فوسه كيكياتن اومه دان لاين ٢ لاكي اكيبيني كمشاركن. سسوي دغن قرانن سباكي تمقه عبادا دان مهرو مانسي كفتد كتقوان دان منجاوهي كعصين، مسجد هندقله دباغونكن اتس داسر تقوى كفتد الله سبحانه وتعالى. قرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة التوبة آية ١٠٨:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

لَا تَقْرَأْ فِيهِ أَبَدًا لَمَسْجِدًا أُيَسِّسَ عَلَى التَّقْوَى مِنْ أَوَّلِ يَوْمٍ أَحَقُّ أَنْ تَقُومَ فِيهِ فِيهِ رِجَالٌ مُخْبِرُونَ أَنْ يَتَّظَرُوا
وَاللَّهُ خَبِيرٌ الْمَطْهُرِينَ ۖ صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمِ

تفسير:

جاشله اشكو واهي نبي محمد مندريكن سمبيغ ددالم مسجد ايت سلما-لمان. سغكوهن مسجد قباء يغ ديننا اتس داسر تقوى سحقي هاري قرمان ديننا اداله له لايق اشكو مندريكن سمبيغ ددالم. ددالم مسجد ايت اد اورغ ٢ يغ لايغن ممرسيهن ديري مريك دان الله مفاسيهي اورغ ٢ يغ سو كمرسيهن ديري.

كهويله، مسجد جوك اداله تمقه يغ قاليج دجيتنزي دان دسوكاي اوله الله سبحانه وتعالى، رسول الله صلى الله عليه وسلم برسيدا:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:

أَحْبُّ الْبِلَادِ إِلَى اللَّهِ مَسَاجِدُهَا

{ رواه الإمام مسلم }

مقصود:

درفد ابو هريرة رضي الله عنه، سغكوهن رسول الله صلى الله عليه وسلم برسيدا: تمقه يغ قاليج دسوكاي الله ددالم سسوات تكري ايت اياله مسجد ٢٠.

مسلمين يغ درحمي الله،

سغكوهن سباكي همبا الله، كيت ممقويي فلواغ يغ امة بسر دان قلياكي جارا اتوق مندافتكن كسجهوان دان كهيكيان هيدوف دنيا دان داخيرة له ٢ لاكي اتوق بكن دان ساهم هيدوف داخيرة كلق سقرت مقربايقن عمالن صدقه، هديه، هيه (فميرين)، وقف دان ساومقامن.

وقف اياله سوات يغ دريكن اتوق كفتيغن دان ككونان اورغ رامي دغن توجوان اتوق مندافتكن كبايكن دان كريضان الله سبحانه وتعالى. عمالن بروقف مروفاكن عبادا يغ برتوق صدقه جارية يغ دجنحكن كنجارن فهلا اوله الله سبحانه وتعالى سلاكي مان هرتا يغ دوقفكن ايت ككل دان دمنغتنن اوله اورغ رامي، كنجارن فهلان اكن تروس بركلن والوفون قوقف ايت تله مينغكل دنيا. سيدا نبي صلى الله عليه وسلم:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ، إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةٍ: صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ

{ رواه الإمام مسلم }

مقصود:

درفد ابو هريرة رضي الله عنه، سغكوهن رسول الله صلى الله عليه وسلم برسيدا، جك سستورغ مينغكل دنيا، مك ترفوتوسله عملن كجوالي تيك فركارا، ياييت صدقه جارية، علم يغ برمنقه، دان اتق صالح يغ مندعاكن كلوا اورغ توان.

بروقف خصوصن دالم ممينا مسجد اداله ساتو عمالن يغ مليا دان ساعة دكالقن دالم اسلام. باكي مريك يغ ممقويي كليهن هرتا دان واغ رغكيت، مغانفقن دان مبلنحكن هرتا فد جالن يغ دريضي اوله الله سبحانه وتعالى سقرت بروقف مروفاكن فركارا يغ ساعة دوتوتوت دالم اكلام اسلام. براوتوغله اورغ ٢ يغ دري فتووق دان هدايه اوله الله سبحانه وتعالى اتوق تولوغ منولوغ دان بنتو-ممننو ددالم فركارا يغ بايك دان بركيبايقن. قرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة سبا آية ٣٩:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قُلْ إِنْ رَبِّي يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَنْ يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ. وَيَقْدِرُ لَهُ
وَمَا أَنْتَ بِمُعْتَدِلٍ ۖ وَهُوَ خَيْرُ الرَّزُقِينَ ۝
صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمِ

تفسير:

كاتكله: سغكوهن توهنكو ملواسكن كرنيا رزقي كفتد سسيف يغ دكهندين انتارا همبا ٢٠ دان مهمقتكن كفتد سسيف يغ دكهندين دان اف سهاج يغ كامو بلنحكن اتوق كبايكن مك الله اكن مغكتيكن دان ديهال سبايك-بايك فميري رزقي.

مسلمين يغ درحمي الله،

ميمغ تيدق دنافيكن، قربلنجان اتوق ممينا مسجد ايت بوكن سديكيه دان تيدق سموا يغ بركمقوان. اكن تتاي، كيت سباكي رعية دان فندودوق دنكارا اين براس امة برشكور كران كباوه دولي يغ مها مليا فادك سري بكتدا سلطان دان يغ دفرتوان نكارا بروني دارالسلام تله مفركتنن فوبوهن تابوغ دانا باكي فمينا مسجد نكارا بروني دارالسلام. رسول الله صلى الله عليه وسلم برسيدا مغناي كاوتامان دان كليهن ممينا مسجد:

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: مَنْ بَنَى مَسْجِدًا لِلَّهِ، كَمَفْخَصِ قَطَاةٍ، أَوْ أَصْغَرَ، بَنَى اللَّهُ لَهُ بَيْتًا فِي الْجَنَّةِ.

{ رواه الإمام ابن ماجه }

مقصود:

درفد جابر بن عبدالله، سغكوهن رسول الله صلى الله عليه وسلم برسيدا سيات يغ ممينا مسجد كران الله سكاليقون هان سقرت سارغ بروغ اتو له كجيل مك الله اكن ممينا اتوقن رومه ددالم شرك.

الحمد لله، فد كتيك اين فرخدمن قسانن ريفكس (SMS) تابوغ دانا باكي فمينا مسجد نكارا بروني دارالسلام تله دبوكانن كفتد اورغ رامي سلاما امقه قولوه ليم هاري ياييت مولاي ٦ ديسيمبر ٢٠١٧ يغ لالو هيغك ١٩ جنواري ٢٠١٨ دان دحسرتنن منجادي واده ككل باكي اورغ ٢ اسلام اتوق منابوغ فهلا ملاوي فمينا مسجد دان سباكي ساتو فلواغ كامسن اتوق برنام ساهم داخيرة. فرخدمن قسانن ريفكس (SMS) تابوغ دانا باكي فمينا مسجد نكارا بروني دارالسلام مميري فلواغ كفتد اورغ رامي خصوصن اومه اسلام دنكارا اين باكي مغانفقن دان مبلنحكن هرتا دغن نية سباكي عبادا دان ملبقنكداكن عمل كبايقن سمات-مات باكي مرايه كنجارن فهلا يغ دجنحكن اوله الله سبحانه وتعالى. حاصل كوتيقن تابوغ دانا باكي فمينا مسجد نكارا بروني دارالسلام اكن دكونان باكي ممينا مسجد يغ بهارو، ممبايك قوليه دان منميه باغونن مسجد سرت كقرلوانن.

مدهمدهان سكل يغ كيت إنفقن دان درماكن دغن تولوس إخلاص دترما اوله الله سبحانه وتعالى دان مدهمدهان دغن يغ دمكين كيت منداقه كريضان، كيركن، كنجارن فهلا دان رحمة يغ برفناغن درفد الله سبحانه وتعالى. آمين يا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَتَتْ مَنَ بَعِثَ سَنَابِلَ فِي كُلِّ سُنبُلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضَاعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ
وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ۝
{ سورة البقرة آية: ٢٦١ }

تفسير:

قراومقان اورغ ٢ يغ مبلنحكن هرتا مريك فد جالن الله سامله سقرت منام سبيحي بنيه يغ منموهكن توجوه تفكي، تيف ٢ ساتو تفكي قول مغندوغي سراتوس ييجي دان الله اكن مقلنحكن فهلا باكي سسيف يغ دكهندين دان الله مها لواس رحمة دان ليمقه كرنيا لاكي مها مغتهوي. بارك الله لنا في القران العظيم. وَنَفَعْنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا يَا ذَا الْجَلَالِ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُكَ اللَّهُ الْعَظِيمُ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ قَبْلَ فَوْزِ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاتَ النَّاسِ.

MIB: Menjana pendidikan Islam di Brunei Darussalam



YANG Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak Haji Kamaluddin Al-Haj pernah berkhidmat selaku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei.

SIRI II

6. Pendidikan Islam Kunci Kefahaman MIB

PENDIDIKAN Islam adalah kunci kefahaman Melayu Islam Beraja (MIB) dan menjadi salah satu faktor utama yang mendekatkan kita kepada penghayatan MIB. Ini kerana pendidikan Islam memiliki sistem nilai kemanusiaan, mengandungi nilai akhlak yang murni, syariah dan aqidah yang mantap lagi lohor. Pendidikan Islam pula adalah berasaskan pegangan kepada aliran Ahli Sunnah Waljamaah yang mana aliran ini sangat sesuai untuk falsafah negara kita MIB.

Oleh kerana itu, umat Islam di negara ini perlu memahami apa itu prinsip Ahli Sunnah Waljamaah, memahaminya akan membawa kita tertarik kepada falsafah MIB. Maka dengan yang demikian itu akan membawa semakin subur kasih kita kepada bangsa, patuh kepada ugama, dan taat kepada raja.

Jelasnya, kita akan lebih mudah memahami dan menghayati konsep MIB itu menerusi pendekatan dan pendidikan ugama, kerana di dalam pendidikan ugama itu ada asuhan dan didikan bersopan santun, beradab dan bertatertib terhadap ibu bapa, guru-guru dan orang-orang yang lebih tua dalam pertuturan dan tingkah laku, ditanamkan perasaan kasih dan taat kepada ibu bapa semenjak kecil lagi, apabila kanak-kanak itu membesar ditanamkan pula perasaan taat kepada ketua.

Menerusi pendidikan ugama juga dapat menyemai perasaan cinta kepada tanah air, bangsa, ugama dan raja. Di dalam pendidikan ugama, selain diajarkan ilmu-ilmu fardu ain, ilmu Al-Quran, juga diajarkan ilmu ketuhanan, ilmu kenabian, akidah, syariah

dan akhlak yang mana dengannya dapat membentuk seorang muslim itu menjadi model insan yang sejati. Semua unsur-unsur pendidikan ugama ini selaras dan secukupnya dengan kehendak falsafah MIB.

Buktinya, pendidikan ugama mengikut sistem moden yang telah berlangsung lebih setengah abad di negara kita ini telah memberi sumbangan yang besar kepada nasib Brunei dan isi di dalamnya sehingga berjaya merubah dan membentuk masyarakat Brunei menjadi bangsa yang yakin dan berani berdiri di atas kaki sendiri, tanpa bergantung sangat kepada yang lain. Mengapa? Kerana kita percaya kepada Tuhan Yang Esa, yang mempunyai kekuasaan penuh di seluruh alam ini. Kita menjadi bangsa yang sederhana (*wasatiah*) yang antaranya berpegang kepada perpaduan, berpegang kepada keadilan, hidup hormat menghormati dan berawar galat, masyarakat bersatu padu dan tidak terbawa-bawa oleh cara dan corak pemikiran dan amalan yang boleh memecah-belahkan perpaduan, dan tidak melakukan tindakan yang boleh menjejaskan kestabilan masyarakat, ugama dan negara. Ini semua adalah kesan dari pendidikan Islam.

7. Islam: Satu Cara Hidup Yang Lengkap

Brunei Darussalam, dalam usaha mencari keamanan dan kesejahteraan negara serta isi di dalamnya, maka ugama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah, Mazhab Shafi'i telah dijadikan sebagai pegangan yang kuat. Islam dijadikan sebagai satu cara hidup yang lengkap telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah di awal-awal pemerintahan baginda lagi sempena Hari Raya Puasa pada Tahun 1387 Hijrah, kira-kira lima dekad yang lalu, antara lain titah baginda :

"Beta percaya rakyat beta yang dikasihi sekalian sedia memahami bahawa perkembangan bahagian ugama yang telah dilancarkan dengan baiknyanya itu adalah merupakan pada keseluruhannya sebagai alat atau sistem untuk terus mencapai matlamat yang menjadikan Islam sebagai satu cara hidup yang lengkap dan penuh dengan nikmat bagi keseluruhan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam."

Untuk melaksanakan titah tersebut, makanya persekolahan ugama secara penuh dan bersistem telah diperkukuhkan sebagai lanjutan dari apa yang telah wujud pada tahun 1956, dengan menggunakan bangunan sekolah-sekolah Melayu dan

Inggeris. Namun selepas itu usaha telah dibuat oleh pihak kerajaan bagi menyediakan bangunan khas sekolah ugama untuk menampung perkembangan yang pesat dalam pendidikan ugama.

Kesempurnaan 'cara hidup yang lengkap' ini pula merangkumi dua perkara asasi :

i. Cara hidup *ruhiyyah* iaitu sistem yang meliputi perkara akidah dan ibadah.

ii. Cara hidup *akhlaqiyah* iaitu sistem yang meliputi nilai-nilai hidup, akhlak dan tingkah laku, atau sistem yang mengatur urusan dan tatacara hidup berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara.

Sebagaimana firman Allah Ta'ala :

Maksudnya : *Dan tiada siapa pun yang lebih baik agamanya, daripada orang yang menyerahkan dirinya (dengan ikhlas semata-mata) kepada Allah sedang dia mengerjakan kebaikan dan telah mengikut agama Nabi Ibrahim yang lurus (yang tetap di atas dasar tauhid). Dan (kerana itulah) Allah telah menjadikan Nabi Ibrahim kesayangan-Nya.* (Surah an-Nisa : 125)

Berpandukan kepada ayat ini, Islam sebagai satu cara hidup yang lengkap bermaksud penyerahan segala urusan duniawi dan ukhrawi, urusan ugama dan negara serta isi di dalamnya kepada ajaran Islam dengan penuh ketaatan dan kepatuhan tanpa sebarang bantahan atau pengecualian. Jelasnya penyerahan segala urusan itu tidak terbatas kepada sudut-sudut tertentu sahaja tetapi merangkumi segala ruang lingkup kehidupan seperti budaya, adat resam, sosial, pemakanan, pentadbiran dan sebagainya sebagaimana firman Allah Ta'ala di bawah ini :

Maksudnya : *Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah kamu semua ke dalam ugama Islam secara keseluruhan (dengan mematuhi segala hukum-hukumnya) dan janganlah kamu mengikut jejak langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu bagi kamu ialah musuh yang nyata.* (Surah al-Baqarah : 208)

"Islam sebagai satu cara hidup yang lengkap" membawa erti patuh kepada semua peraturan yang diciptakan Allah Subhanahu Wata'ala dan berjalan di atas landasannya. Dengan mematuhi segala hukum dan peraturan Islam barulah kehidupan manusia menjadi aman dan sejahtera. Itulah cara hidup yang dianjurkan oleh Islam. Sebaliknya mana-mana sistem atau cara hidup yang tidak diakui oleh Islam, maka sistem atau cara hidup yang sedemikian adalah batil dan tidak menjamin kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat. Perkara ini dapat diperhatikan kepada sistem

Oleh : Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd. Rahman

Jahiliyah di mana masyarakat hidup tanpa nilai-nilai akhlak, tiada jaminan untuk mencapai kebahagiaan dan kesejahteraan, malah masyarakat hidup dalam keadaan huru-hara dan ketakutan, sehingga maksiat dan dosa berleluasa. Semua ini berlaku adalah kerana tidak ada panduan yang mengatur dan mengisi kehidupan mereka itu disebabkan setiap puak ada peraturannya sendiri yang boleh dipinda-pinda mengikut hawa nafsu.

8. Jasa Para Pemimpin dan Ulama Terdahulu

Dalam hal ini, Brunei bernasib baik kerana para pemimpin dan ulama yang terdahulu di negara ini berpandangan jauh di mana mereka telah meletakkan Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah, Mazhab Shafi'i di dalam perlembagaan negara. Dengan kedudukan ini ugama Islam itu tidak lagi dicabar oleh situasi yang tidak menentu kemudian. Ketetapan itu mempunyai hikmat yang tersendiri yang antaranya bertujuan untuk mewujudkan keharmonian dan menghilangkan perselisihan faham dalam jangka panjang dalam kalangan rakyat negara ini yang berpunca dari pengaruh yang datang dari berbagai aliran pemikiran dan ajaran yang menyeleweng dan sesat.

Hujah-hujah ini tidak lengkap, tanpa menyebut usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam melaksanakan 'Perintah Pendidikan Ugama Wajib, 2012,' dan melaksanakan 'Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah, 2013' yang mana kedua-duanya adalah merupakan alat penting negara yang boleh menjadi benteng pertahanan bagi menjaga dan mengawal falsafah MIB terpelihara di negara ini pada masa hadapan.

Pendeknya, ajaran Islam yang disalurkan melalui sistem pendidikan ugama di negara ini mampu untuk mengangkat martabat bangsa dan ugama, mendaulatkan negara dan memberikan kebahagiaan serta kesejahteraan kepada seluruh warga dan penghuni di dalamnya.

Alhamdulillah, kita di Brunei ini sangat beruntung kerana dalam perisytiharan bagi kemerdekaan negara kita ada disebutkan bahawa negara kita adalah sebagai sebuah 'negara MIB', hanya Brunei sahaja satu-satunya negara dalam dunia ini yang mengisytiharkan

sedemikian, perisytiharan kemerdekaan yang berlaku pada tahun 1984 ini, telah memberi kekuatan dan menyokong Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, 1959 yang meletakkan ugama Islam sebagai ugama rasmi negara mengikut aliran Ahli Sunnah Waljamaah. Kedudukan ini menunjukkan Brunei mempunyai azam politik yang jelas, mantap, tetap di atas landasan yang satu dan betul, dan tidak berbelah bahagi. Sikap dan pendirian sedemikian telah membolehkan ajaran Islam berkembang dengan baiknya di negara ini termasuk dalam bidang pendidikan ugama.

9. Nilai Islam Dalam MIB.

Konsep MIB, adalah suatu konsep yang padat dengan nilai-nilai Islam yang murni. Ketiga-tiga komponen itu jika kita renungi dengan mendalam ia adalah memiliki nilai-nilai Islam yang cukup kuat. Misalnya 'Islam' di dalam konsep ini sudah jelas merupakan terasnya iaitu Islam berdasarkan aliran Ahli Sunnah Waljamaah, Mazhab Shafi'i. Manakala 'Melayu' sebagai bangsa Brunei adalah terdiri daripada tujuh etnik iaitu Melayu Brunei, Kedayan, Dusun, Tutong, Belait, Bisaya dan Murut, namun majoritinya adalah 'Melayu Brunei' yang keseluruhannya berugama Islam, keseluruhan etnik Kedayan juga berugama Islam, sementara etnik-etnik yang lain pula ramai yang telah menerima Islam sebagai ugama anutan mereka. Jadi tidaklah salah kalau dikatakan bahawa 'Melayu' dalam konsep ini keseluruhannya adalah berugama Islam. Apa yang kita lihat, usaha dakwah untuk menarik semua etnik dalam bangsa 'Melayu' di Brunei kepada Islam adalah sedang pesat berjalan, dan kita percaya dengan izin Allah berdasarkan trend yang nampak sekarang, akan lebih ramai etnik yang bukan Islam akan memilih Islam sebagai ugama mereka dalam dekad-dekad mendatang.

Sementara 'Beraja' dalam konteks Brunei ialah 'Bersultan', apabila disebut sultan, pastinya dia adalah seorang Islam, tidak ada sultan yang tidak berugama Islam. Brunei telah menjadi sebuah kesultanan Melayu Islam sejak lebih enam kurun yang lalu bila mana Awang Alak Betatar memeluk Islam sebelum 1370 Masihi dengan memakai nama Sultan Muhamad Syah.

Pelajar disaran pamerkan akhlak mulia



PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang semasa menyerahkan Mushaf Al-Quran kepada pelajar baharu.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 Januari. - Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang

Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang berkata, dalam usaha untuk menjadi seorang Huffaz yang berilmu tinggi di era yang

serba mencabar ini adalah menjadi kewajiban para pelajar baharu yang memasuki Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) untuk sentiasa mempamerkan akhlak mulia, iaitu akhlak Al-Quran.

Semasa berucap selaku tetamu kehormat pada Majlis Penerimaan Pelajar-Pelajar Baharu ITQSHHB Sesi 2018, beliau menambah di dalam ajaran agama Islam, aspek akhlak diletakkan di kedudukan yang tertinggi dan mendahului ilmu itu sendiri, sekali gus mempamerkan bahawa agama Islam itu sangat mementingkan keperibadian yang luhur.

Majlis penerimaan pelajar baharu tersebut diadakan di Dewan Kuliah, ITQSHHB, di sini.

Seramai 82 pelajar telah diterima masuk ke institut ini, yang terdiri daripada 36 lelaki dan 46 perempuan.

Pengambilan ini adalah bagi mengikuti pengajian di peringkat menengah.

Juga hadir, pegawai-pegawai kanan KHEU, ibu bapa, pelajar-pelajar baharu yang

diraikan serta pegawai-pegawai, guru-guru dan kakitangan institut berkenaan.

Majlis tersebut adalah acara kemuncak kepada program Minggu Ta'aruf (orientasi) mereka selama enam hari yang bermula 8 Januari yang lalu.

Terdahulu bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, Surah Fathir, ayat 29 hingga 35, dibacakan oleh Awang Muhammad Faiz Najwan bin Muhammad Saleh.

Pada majlis tersebut juga menyaksikan penyerahan Mushaf Al-Quran kepada pelajar-pelajar baharu yang disempurnakan oleh tetamu kehormat dan seterusnya bacaan ikrar daripada pelajar-pelajar baharu ITQSHHB sesi 2018 yang diketuai oleh Awang Muhammad Nur Safwan bin Awang Asli serta tayangan slaid video aktiviti-aktiviti pelajar sepanjang Minggu Ta'aruf dan penyerahan pelajar-pelajar baharu kepada Pemangku Pengetua ITQSHHB.



SERAMAI 36 pelajar lelaki telah diterima masuk ke Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) Sesi 2018 (kiri). Sementara gambar kanan, antara yang hadir pada majlis tersebut ialah pegawai-pegawai kanan KHEU, ibu bapa, pelajar-pelajar baharu yang diraikan serta pegawai-pegawai, guru-guru dan kakitangan institut berkenaan.



MIB: Menjana pendidikan Islam di Brunei Darussalam

Dari muka 10

Dalam konteks Brunei, sultan sentiasa menjadi pelindung agama atau ketua agama, sultan menggunakan segala kuasanya untuk melindungi agama. Sebagai misal pernah berlaku dalam Abad Ke-16 Masihi, bila mana teretusnya detik-detik yang sangat menentukan masa depan Brunei sama ada akan terus menjadi sebuah negara Islam atau sebaliknya menjadi sebuah negara Kristian. Seandainya sultan tidak mempunyai roh Islam yang tinggi, dan tidak mempunyai keberanian, sudah pasti Sultan Saiful Rijal yang memerintah Brunei pada masa itu akan menyerah kalah sahaja tanpa memberikan sebarang perlawanan apabila Sepanyol datang untuk mengkristiankan Brunei. Tetapi tidak, sejarah telah mencatatkan dengan tinta emas bahawa Sultan Brunei sejak dari mula-mula lagi telah menunjukkan sikap tegas, malah marah apabila Sepanyol memintanya untuk meninggalkan agama Islam, sebaliknya menganut agama Kristian. Kalau sultan menyerah kalah pada masa itu, sudah tentu

kita semua ini sekarang tidak lagi dikenali sebagai orang Islam, mungkin ada yang bernama Alfonso, atau bernama Magellan, atau bernama Farnandez, na'uzubillah min zalik.

Dalam menghuraikan konsep MIB ini, untuk mengukuhkan lagi keterangan di atas, mari kita merenungi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada majlis sempena Sambutan Puja Usia Baginda Ke-44 Tahun di Daerah Belait, pada 21 Julai, 1990 :

"... dari tiga rangkaian kata 'MIB' terdapat unsur-unsur atau nilai-nilai yang positif untuk ketahanan negara, umpamanya dari 'Melayu' itu ialah bahasanya, sesiapa pun tidak boleh menyangkal bahawa bahasa Melayu adalah alat perpaduan yang paling efektif. Tanpa bahasa itu kita tentunya tidak akan dikenali sebagai satu bangsa yang berdaulat lagi mempunyai identiti.

Demikian juga 'Islam' ialah agama yang menjamin seluruh kepentingan rakyat dan penduduk dengan tidak

mengira apa jua agama, suku kaum dan keturunan. Pendeknya agama Islam adalah jaminan keselamatan dan kesejahteraan untuk semua. Kerana itu tidak siapa perlu takut dan ragu mengenainya.

Sementara perkataan 'Beraja' pula adalah menunjukkan kepada kerajaan yang bersultan atau beraja yang sudah wujud dan menjadi warisan zaman semenjak dari beberapa abad lagi.

Negara Brunei Darussalam telah menjalani zaman-zaman yang gemilang di bawah pemerintahan corak ini, dengan tiada sebarang masalah yang merungsingkan. Malahan sebaliknya Negara Brunei Darussalam semakin maju dan makmur, semakin terkenal dan stabil, serta digalati oleh kalangan antarabangsa. Semuanya adalah berkat perpaduan rakyat dan penduduk, dan hasil dari taat setia mereka yang tidak berbelah bahagi di bawah pemerintahan 'Beraja' itu..."

Jika kita amat-amati petikan titah di atas nescaya kita akan

dapat menanggapi bahawa konsep MIB ini adalah suatu konsep yang sesuai bagi Negara Brunei Darussalam. Buktinya ianya sesuai ialah kerana ia telah diuji oleh zaman, semenjak kita menerima Islam kira-kira enam kurun yang lalu hingga sekarang, konsep ini tidak pernah berubah, yang mana membawa kepada kebanggaan, kemakmuran, kesejahteraan, kestabilan, dan perpaduan. Menyentuh tentang perpaduan, Islam yang menjadi inti kepada konsep ini adalah sentiasa menganjurkan perpaduan.

Di antara ayat-ayat Al-Quran yang menganjurkan perpaduan itu ialah sepertimana dalam Surah Al-Nisaa ayat 59 :

Maksudnya : *Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah, dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada Ulil Amri (orang-orang yang berkuasa) daripada kalangan kamu.*

Ayat yang lain ialah dalam Surah Aali Imran ayat 103 :

Maksudnya : *Dan berpegang teguhlah kamu kepada tali (agama) Allah dan janganlah kamu bercerai-berai.*

Fahaman Ahli Sunnah Waljamaah adalah suatu

fahaman yang cenderung untuk mendukung konsep perpaduan umat. Sistem pemerintahan beraja atau bersultan adalah di antara sistem terbaik yang mendukung perpaduan umat berdasarkan kedudukan 'raja' itu adalah unggul dan tidak dipertandingkan yang mana pertandingan itu selalu membawa perbalahan dan perpecahan. Fahaman ini mengajarkan bahawa semua orang mesti baik, rakyat mesti baik dan taat kepada raja, dan raja pula mesti baik dan kasih serta adil kepada rakyat. Fahaman ini juga mengajarkan bahawa semua orang mesti tunduk kepada agama Islam yang mana rujukan asasinya ialah Al-Quran dan Al-Sunnah. Fahaman ini perlu disebarkan kepada seluruh warga negara ini khasnya generasi muda yang bakal berperanan di negara ini di masa hadapan. Soalnya ialah melalui apa saluran untuk menyebarkannya? Tidak lain ialah melalui saluran pendidikan agama dan pendidikan umum, yang mana kita telah pun memilikinya, tinggal lagi hanya untuk memperelok dan memperkukuhkannya sahaja.

Seramai 195 pelajar baharu STAR seluruh negara



TAKLIMAT dan suai kenal bersama tenaga pengajar daripada Ketua Unit Tilawah Al-Quran dan Dikir, Bahagian Pelajaran Lanjutan, Jabatan Pengajian Islam (JPI) bagi Daerah Brunei dan Muara berlangsung di Sekolah Ugama Beribi, Gadong.



PEGAWAI Bahagian IRK, JPI, Tutong, Awang Mohammad Taib bin Jainal yang juga selaku Penyelaras STAR Daerah Tutong semasa menyampaikan taklimat Skim Tilawah Al-Quran Remaja (STAR).

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad, Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim, Noraisah Haji Muhammed, Nooratini Haji Abas

Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali, Noraisah Haji Muhammed, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 14 Januari. - Seramai 195 pelajar berjaya mengikuti Skim Tilawah Al-Quran Remaja (STAR), iaitu 156 pelajar di Daerah Brunei dan Muara, lapan di

Daerah Tutong, 12 dari Daerah Belait, sementara Daerah Temburong pula seramai 19 pelajar.

Majlis pendaftaran dan kemasukan para pelajar baharu STAR pengambilan Ke-21

Sesi 2018 - 2019 diadakan serentak di semua daerah di pusat-pusat pembelajaran STAR, iaitu Daerah Brunei dan Muara di Sekolah Ugama Beribi, Gadong; Daerah Tutong di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Norain; Daerah Belait di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiyah dan Daerah Temburong di Sekolah Arab Temburong.

Pendaftaran bermula dengan persembahan bacaan Al-Quran daripada Pelajar Lanjutan

STAR, taklimat dan suai kenal bersama tenaga pengajar daripada Ketua Unit Tilawah Al-Quran dan Dikir, Bahagian Pelajaran Lanjutan, Jabatan Pengajian Islam (JPI), persembahan Tausyeh oleh pelajar lanjutan STAR dan bacaan Doa Selamat.

STAR merupakan skim yang dikendalikan oleh JPI bagi melahirkan remaja yang berpotensi dalam bidang pembacaan Al-Quran secara bertarunum yang bermula pada tahun 1997.

Ia ditubuhkan untuk melatih dan membimbing remaja dalam pembacaan Al-Quran melalui lagu-lagu tilawah yang masyhur.

Matlamat STAR adalah untuk melahirkan pembaca-pembaca Al-Quran remaja berpotensi yang dihasratkan menjadi qari dan qariah pelapis negara di peringkat kebangsaan.

Program tersebut dijalankan selama dua jam pada setiap Jumaat dan Ahad semasa penggal persekolahan.

Di samping itu, modal latihan skim berkenaan termasuk latihan asas semam pernafasan dan suara sebelum memulakan pelajaran; pembelajaran di bilik darjah termasuk Tajweed, Murattal dan Taranum Al-Quran; Halaqah Tilawah Al-Quran; Halaqah Aktiviti seperti dikir, tausyeh dan nasyid.

Sesi Taklimat bagi Daerah Temburong disampaikan oleh Pegawai Pengetahuan Ugama Islam (IRK) dan Pelajaran Lanjutan Daerah, Pejabat Pengajian Islam Temburong, Awang Jefry bin Othman.

Sementara di Daerah Tutong taklimat telah disampaikan oleh Pegawai Bahagian IRK, JPI, Tutong, Awang Mohammad Taib bin Jainal dan tenaga-tenaga pengajar STAR daerah ini. Manakala di Seria, Daerah Belait taklimat disampaikan oleh Guru Penghubung serta tenaga-tenaga pengajar skim tersebut.

Majlis di keempat-empat daerah dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai.



PEGAWAI Pengetahuan Ugama Islam (IRK) dan Pelajaran Lanjutan Daerah, Pejabat Pengajian Islam Temburong, Awang Jefry bin Othman menyampaikan taklimat kepada pelajar yang berjaya (atas kiri).

SERAMAI 12 pelajar berjaya mengikuti Skim Tilawah Al-Quran Remaja Ke-21 yang beroperasi di Sekolah Ugama PAP Rasidah Sa'datul Bolkiyah Seria (kiri).

Enam buah kenderaan terbiar dipindahkan ke tapak pelupusan



OPERASI pemindahan kenderaan terbiar dilaksanakan pada 11 Januari lalu di seluruh kawasan tersebut juga di persekitaran kawasan Kampung Kilanas.

**Siaran Akhbar dan Foto :
Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan**

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 Januari. - Jabatan Daerah Brunei dan Muara bersama Jabatan Pengangkutan Darat serta Syarikat Pelupusan M. Han Enterprise Sdn. Bhd. telah mengadakan Operasi

Bersepadu di Kawasan Letak Kereta Bangunan Hakmas, Kampung Tanjung Bunut dan Kampung Kilanas. Operasi pemindahan kenderaan terbiar dilaksanakan pada

11 Januari lalu di seluruh kawasan tersebut dan juga di persekitaran kawasan Kampung Kilanas.

Hasil daripada operasi tersebut, sebanyak enam buah kenderaan telah dikenal pasti dan dipindahkan, iaitu BV4542 - Daewoo Dart Matiz (Silver); BT8498 - Daewoo Lanos SE

(White), Volvo (tanpa plat pendaftaran); BP1024 - Pajero, Toyota Lite S (tiada plat pendaftaran) dan Kia Sportage (tiada plat pendaftaran).

Kesemua kenderaan tersebut ditempatkan di tapak pelupusan syarikat bagi tindakan selanjutnya.

Operasi berakhir kira-kira jam

11.30 pagi.

Jabatan Daerah Brunei dan Muara ingin mengingatkan orang ramai agar tidak akan meninggalkan kenderaan-kenderaan terbiar bagi kesejahteraan juga menjaga aspek kebersihan kawasan persekitaran bagi kegunaan awam.

مقركنلكن اقليكاسي موده اليه جابتن قنرغن


Memperkenalkan
**Aplikasi Mudah Alih
Jabatan Penerangan**

InfoDeptBN

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
- Pelaksanaan Yang **Cepat Dan Mudah**
- Menjurus Ke Arah **Paperless Dan Green IT**

Gunakanlah Aplikasi Kami!

Dapatkan aplikasi dan muat turun di



'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'

**BUKU TERBITAN TERBAHARU
JABATAN MUFTI KERAJAAN**



\$30 (Kulit Keras) **\$20** (Kulit Lembut)

Raja Melakar Sejarah adalah sebuah tulisan merajuk kepada Raja Brunei yang ke-29, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Muhtaram Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'at al-Khairy Waddien. Tulisan ini banyak merjemah mengenai personaliti termasuk karakter, sikap dan cara baginda mengemudi negara.

Dari sudut personaliti dan karakter terdapat ciri-ciri yang menakjubkan. Begitu juga dari sudut sikap dan cara baginda mengemudi negara adalah tidak kurang istimewa serta tersendiri. Ini semua, menjadikan baginda selaku raja dan pemimpin yang wajar dikagumi.


VERSI MELAYU

Halaman: 436
ISBN: 978-99917-60-52-0 (Kulit Lembut)
978-99917-60-53-7 (Kulit Keras)
Harga: \$30 (Kulit Keras) / \$20 (Kulit Lembut)

VERSI INGGERIS

Halaman: 426
ISBN: 978-99917-60-54-4 (Kulit Lembut)
978-99917-60-55-1 (Kulit Keras)
Harga: \$30 (Kulit Keras) / \$20 (Kulit Lembut)

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:
Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri,
Spg 26, Jalan Pengiran Babu Raja, BSB
Negara Brunei Darussalam
Tel: +6732224955 / Faks: +6732237699
E-mail: Zakiah.leman@mufiti.gov.bn



**JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**TAWARAN MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR**

BILANGAN TAWARAN :
MOE / LTK / 70 / 2017 / 2018
(JPK - JAN - 2018)

KETERANGAN :

**TAWARAN TERBUKA BAGI
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR
TERUS BUKU AKTIVITI
PRASEKOLAH KE SEKOLAH-
SEKOLAH RENDAH KERAJAAN
DAN JABATAN PERKEMBANGAN
KURIKULUM, KEMENTERIAN
PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM.**

**BAYARAN YURAN /
15. Waktu pembayaran tawaran adalah pada hari-hari bekerja, iaitu **Isnin hingga Khamis, jam 8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi** dan jam **2.00 Petang hingga 3.00 Petang**, manakala **Sabtu, jam 8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi** dan jam **2.00 Petang hingga 3.00 Petang**.

16. Jika Penender gagal menjelaskan pembayaran maka tawaran ini dengan sendirinya dibatalkan dan Penender akan disenaraikan hitam (*blacklist*) dari ikut serta tawaran sebarang jualan lelong harta benda kerajaan di Jabatan ini.

17. Penender yang berjaya hendaklah **memindahkan** peralatan / perkakas pejabat tersebut tidak lewat **TUJUH (7)** hari waktu bekerja selepas membuat pembayaran dan pihak jabatan tidak akan bertanggungjawab jika berlaku sebarang kerosakan / kehilangan dalam tempoh tersebut.

18. Jika Penender yang berjaya **gagal memindahkan** peralatan / perkakas pejabat tersebut dalam tempoh **TUJUH (7)** hari waktu bekerja selepas membuat pembayaran, peralatan / perkakas pejabat berkenaan akan menjadi **milik** jabatan dan jabatan berhak untuk melelong semula peralatan / perkakas pejabat berkenaan. Wang yang telah dijelaskan **tidak** akan dikembalikan.

JUALAN HARTA BENDA KERAJAAN

**SEBUT HARGA BAGI 4 LOT HARTA
BENDA KERAJAAN KEPUNYAAN
PUSAT PROMOSI KESIHATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN**

KETERANGAN HARTA BENDA :
1) 20 Unit Peralatan / Perkakas dan Perabot Pejabat
2) 1 Unit Sanyo Multimedia Projector
3) 1 Unit Dell Projector
4) 3 Unit Kamera Nikon F50D

CAJ BORANG :
BND1.00



JABATAN PENGANGKUTAN DARAT
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

BILANGAN SEBUT HARGA :
04 / JPD / JKSH / 20172018

TAJUK SEBUT HARGA :
TAWARAN PERKHIDMATAN
KANTIN DI KOMPLEKS LITAR
UJIAN DAN LATIHAN MEMANDU,
KG. SUNGAI AKAR
JABATAN PENGANGKUTAN
DARAT, NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

1. SEBUT HARGA adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat serta pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Borang sebut harga dan keterangan spesifikasi bolehlah diperolehi di **Penyambut Tetamu, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat, Jabatan Pengangkutan Darat, Jalan Beribi, Gadong** semasa waktu pejabat, iaitu **8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi** dan dari **2.00 Petang hingga 4.00 Petang** dengan membawa bersama salinan sijil pendaftaran perniagaan untuk rujukan.

3. Setiap borang sebut harga hendaklah



MAHKAMAH BESAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**NOTIS MENGENAI
DIVIDEN TERAKHIR**

Nama Penghutang - Romeo bin Razali (RBPF No. 2742). **Alamat** - C2, Blok C, Berek Polis Istana Nurul Izzah, Jerudong BG3122, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 15 of 2002. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 100 sen. **Pertama atau Terakhir atau selainnya** - Terakhir. **Bila dibayar** - 15 November

2017. **Di mana kena bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 8 November 2017.

**Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam.**


**JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**
REQUEST FOR PROPOSALS (RFP)
**FORESTRY DEPARTMENT
MINISTRY OF PRIMARY
RESOURCES AND TOURISM
(MPRT)**
Open Invitation for Proposals

**TO INVEST, OPERATE, MAINTAIN
AND MANAGE THE CAMPING SITE
AT BERAKAS FOREST
RECREATION PARK (BFRP)
IN BRUNEI DARUSSALAM**
Reference No. :
MPRT / RFP / 2017 / 17

THE Forestry Department, Ministry of Primary Resources and Tourism invites proposals from interested parties to invest, operate, maintain and manage the Camping Site at Berakas Forest Recreation Park (BFRP) in Brunei Darussalam.

The objective of this project is :

1. To create a sustainable, safe, reliable, attractive and affordable tourism product that can be enjoyed by both domestic and foreign visitors;
2. To generate employment for the locals;
3. To create business opportunities through collaboration and partnership; and
4. To encourage participation of private sectors to have co-ownership of the tourism

product.

More detailed information and guidelines for submitting proposals will be provided in the Request for Proposals (RFP) document.

For all correspondence and registration of the RFP, interested parties should send an email to rff@mprt.gov.bn with subject heading "MPRT/RFP/2017/17 Proposals To Invest, Operate, Maintain and Manage the Camping Site at Berakas Forest Recreation Park (BFRP) in Brunei Darussalam", attaching information on the company, relevant experience as well as contact details.

Completed proposal should be submitted not later than **2.00 pm on Tuesday, 30th January 2018** in a sealed envelope clearly labelled as below :

**MPRT / RFP / 2017 / 17
PROPOSALS TO INVEST,
OPERATE, MAINTAIN
AND MANAGE THE CAMPING
SITE AT BERAKAS FOREST
RECREATION PARK (BFRP)
IN BRUNEI DARUSSALAM**
Tender Box, Ground Floor
Ministry of Primary Resources
and Tourism
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan, BB3910
Brunei Darussalam.


**JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**
REQUEST FOR PROPOSALS (RFP)
**FORESTRY DEPARTMENT
MINISTRY OF PRIMARY
RESOURCES AND TOURISM
(MPRT)**
Open Invitation for Proposals

**TO INVEST, OPERATE, MAINTAIN
AND MANAGE DESIGNATED AREA
AT THE ULU TEMBURONG
NATIONAL PARK (UTNP)
IN BRUNEI DARUSSALAM**
Reference No. :
MPRT / RFP / 2017 / 18

THE Forestry Department, Ministry of Primary Resources and Tourism invites proposals from interested parties to invest, operate, maintain and manage designated area at the Ulu Temburong National Park (UTNP) in Brunei Darussalam.

The objective of this project is :

1. To create a sustainable, safe, reliable, attractive and affordable tourism product that can be enjoyed by both domestic and foreign visitors;
2. To generate employment for the locals;
3. To create business opportunities through collaboration and partnership; and
4. To encourage participation of private sectors to have co-ownership of the tourism

product.

More detailed information and guidelines for submitting proposals will be provided in the Request for Proposals (RFP) document.

For all correspondence and registration of the RFP, interested parties should send an email to rff@mprt.gov.bn with subject heading "MPRT/RFP/2017/18 Proposals To Invest, Operate, Maintain and Manage Designated Area at the Ulu Temburong National Park (UTNP) in Brunei Darussalam", attaching information on the company, relevant experience as well as contact details.

Completed proposal should be submitted not later than **2.00 pm on Tuesday, 27th February 2018** in a sealed envelope clearly labelled as below :

**MPRT / RFP / 2017 / 18
PROPOSALS TO INVEST,
OPERATE, MAINTAIN AND
MANAGE DESIGNATED AREA
AT THE ULU TEMBURONG
NATIONAL PARK (UTNP)
IN BRUNEI DARUSSALAM**
Tender Box
Ground Floor
Ministry of Primary Resources
and Tourism
Jalan Menteri Besar,
Bandar Seri Begawan, BB3910
Brunei Darussalam.


**PEJABAT PENERBANGAN
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA**
**JUALAN LELONG BAGI 32 BUAH
KENDERAAN PEJABAT
PENERBANGAN KEBAWAH DULI
YANG MAHA MULIA**
Syarat-Syarat Tawaran :

1. KENDERAAN-kenderaan yang ditawarkan adalah berasaskan sebagaimana keadaan semasa ditawarkan.
2. Penender adalah bertanggungjawab untuk memeriksa dan meneliti keadaan kenderaan yang ditawarkan sebelum menyertai tawaran ini.
3. Penender yang berminat hendaklah mendapatkan borang tawaran dengan caj harga BND50.00 setiap SATU (1) dokumen tawaran sahaja (tidak dikembalikan) di Unit Pemantauan, Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Hangar 2, Lebuhraya Rimba, Bandar Seri Begawan, BB2713, Negara Brunei Darussalam. Sebarang pertanyaan, sila berhubung di talian telefon

+673 2460043 sambungan 2046 / 2035 / 2045.

4. Borang tawaran yang telah lengkap diisikan hendaklah dalam sampul surat yang tertutup rapi dengan menyatakan tajuk **'TAWARAN LELONG SEBUT HARGA TERTUTUP, BIL. RUJUKAN : KKW / ADM / JBT / 59'** tanpa menunjukkan identiti penender dan hendaklah dihantar ke HMSF Quotation's Box, Security Main Gate, Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Hangar 2, Lebuhraya Rimba, Bandar Seri Begawan, BB2713, Negara Brunei Darussalam tidak lewat pada **Isnin, 29 Januari 2018, jam 12.00 Tengah Hari** dan mana-mana tawaran yang lewat diterima tidak akan dilayan.

5. Penender yang berjaya disokong hendaklah membuat pembayaran dalam tempoh masa DUA (2) hari waktu bekerja selepas dimaklumkan / pemberitahuan dan jika gagal menjelaskannya, maka kenderaan

berkenaan akan ditawarkan kepada penender yang lain.

6. Penender yang berjaya disokong hendaklah MEMINDAHKAN barangan tersebut tidak lewat TUJUH (7) hari selepas membuat pembayaran dan pihak jabatan tidak akan bertanggungjawab jika berlaku sebarang kerosakan / kehilangan dalam tempoh tersebut.

7. Jika penender yang berjaya disokong GAGAL MEMINDAHKAN barangan tersebut dalam tempoh TUJUH (7) hari selepas membuat pembayaran, barangan berkenaan akan menjadi MILIK jabatan dan jabatan berhak untuk melelong semula barangan berkenaan. Wang yang telah dijelaskan TIDAK akan dikembalikan.

**JUALAN LELONG BAGI 32 BUAH
KENDERAAN PEJABAT
PENERBANGAN KEBAWAH DULI
YANG MAHA MULIA**
BIL. JENIS / MODEL KUANTITI

1. Toyota Hiace D / Van 1
2. Toyota Camry V6 GX Saloon 1
3. Toyota Camry V6 Ginta Sedan 1
4. Toyota Corona 1.6 GL Saloon 1

5. Toyota Corolla 1.6 GLi Sedan/Saloon 6
6. Mazda E200 Mini Bus 1
7. Mitsubishi Lancer 1.3 GLXi Saloon 1
8. Mitsubishi Lancer 1.5 GL Sedan 1
9. Mitsubishi Magna Executive Sedan 3
10. Nissan Sunny 1.5 EX Saloon 11
11. Nissan Sunny 1.6 Super Saloon 4
12. Nissan Sunny 1.6 EX Saloon 1

Adalah dimaklumkan bahawa satu jualan lelong 32 buah Kenderaan akan diadakan pada :

Tarikh :
15, 16, 18 dan 20 Januari 2018

Jam :
9.00 Pagi hingga 11.00 Pagi

2.00 Petang hingga 4.00 Petang

Bertempat :
**Garage Kenderaan / Jentera GSE
Bahagian Kenderaan
Hangar 2, Pejabat Penerbangan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Lebuhraya Rimba
Bandar Seri Begawan, BB2713
Negara Brunei Darussalam.**


KEMENTERIAN PERTAHANAN
PEMBERITAHUAN TAWARAN
**TAWARAN NO. 1:
MINDEF / DFA / RC / 158-A (1)
TRANSPORTATION SERVICES
FOR BANGAR CAMP
(MEDIUM BUS)
- FIVE (5) YEARS CONTRACT**

**TENDER FEE :
BND100.00 (tidak dikembalikan)**

NOTA :

1. Information Day akan dimaklumkan kemudian;
2. Diutamakan bagi penender yang berada di Daerah Temburong.

SYARAT SYARAT TAWARAN :

a. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkliah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat jam 2.00**

Petang, Selasa, 13 Februari 2018. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkliah Garison **semasa hari-hari bekerja (Isnin dan Rabu)** bermula pada **10 Januari 2018.**

b. Bayaran yuran tawaran (*tender fee*) hendaklah dibayar di Unit Kaunter, Bahagian Kewangan, Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkliah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

**Waktu bagi menerima bayaran
dan mendapatkan borang tawaran :
Isnin dan Rabu
8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi
2.00 Petang hingga 3.00 Petang**

c. Pembekal adalah dikehendaki membayar yuran dokumen dan bayaran tawaran bagi semua tawaran seperti yang diiklankan. Yuran tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong

sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bona-fide-tender*). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

d. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

e. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan adalah dikira sebagai tawaran tidak jujur (*non-bona-fide-tender*) dan tidak akan dilayan.

f. Salinan sijil pendaftaran perniagaan hendaklah disertakan bersama yang menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.

g. Salinan sijil pematuhan cukai yang dikeluarkan oleh pihak Pemungut Cukai Pendapatan selaras dengan Bab 52(1) Akta Cukai Pendapatan Penggal 35 bagi syarikat-syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat-syarikat Penggal 39 hendaklah disertakan.

h. Salinan surat pengesahan

pematuhan Akta Tabung Amanah Pekerja Penggal 167 dengan menyatakan rujukan pendaftaran dan caruman bagi setiap pekerja kontrak, bergaji hari atau pekerja sementara hendaklah disertakan.

i. Salinan surat pengesahan syarikat-syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat-Syarikat Penggal 39 mengenai tarikh terakhir menghantar Penyata Tahunan (Annual Returns) kepada Pendaftar Syarikat-syarikat termasuk tahun syarikat mengadakan Annual General Meeting hendaklah disertakan.

j. Pembekal yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

k. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catat tarikh tutup tawaran ini.

l. Iklan-iklan tawaran, maklumat lanjut dan syarat lainnya bolehlah dilihat melalui laman sesawang : <http://www.mindef.gov.bn>



**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

BIL TAWARAN :
(01) JBS / ADM / UP / 2018

Peti Sebut Harga
Tingkat 4
Jabatan Belia dan Sukan
Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan
Bangunan Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan
Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan
Bandar Seri Begawan, BA1211
Negara Brunei Darussalam.

BILANGAN TAWARAN :
1) JBS / ADM / QC / 2018

KETERANGAN :
**REPAIR, SUPPLY TOOLS,
MATERIALS FOR EXISTING
TEAM AND OFFICIAL SHELTER.**

YURAN TAWARAN :
BND5.00

TARIKH TUTUP :
17 JANUARI 2018

BILANGAN TAWARAN :
2) JBS / ADM / QC / 2018

KETERANGAN :
SUPPLY, INSTALL AND

**DELIVERY TEAM AND
OFFICIAL SHELTER AT STADIUM
NEGARA HASSANAL BOLKIAH.**

YURAN TAWARAN :
BND5.00

TARIKH TUTUP :
17 JANUARI 2018

Tarikh Tutup :
**17 Januari 2018M /
30 Rabiulakhir 1439H (Rabu)
Jam : Tidak Lewat Jam 2.00 Petang**

Cagaran :
**Seperti yang dinyatakan pada
keterangan sebut harga -
Bagi setiap satu dokumen
(Tidak dikembalikan)**

DOKUMEN-dokumen dan penerangan-
penerangan yang lanjut boleh diperoleh di
**Bahagian Unit Hasil, Tingkat 4, Jabatan
Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan
Kebangsaan, Berakas, BA1211, Negara
Brunei Darussalam.**

Waktu Menerima Bayaran :
**Isnin hingga Khamis
8.30 Pagi hingga 11.30 Pagi
Sabtu
8.30 Pagi hingga 10.30 Pagi**



**PEJABAT PENERBANGAN
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA**

NOTIS TAWARAN BILANGAN :
HMSF / TDR / 06 / 2017

TAJUK :
**SUPPLY, DELIVERY, TESTING
AND COMMISSION OF
AVIATION FUEL HYDRANT
DISPENSER FOR FUEL FARM
DEPOT FOR HIS MAJESTY
THE SULTAN'S FLIGHT**

SYARAT-SYARAT TAWARAN :

1. TAWARAN adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang mempunyai Sijil Pendaftaran Akta nama-nama perniagaan (Section 16 dan 17) yang sah dan mempunyai kepakaran dalam memperoleh dan mendatangkan barangan jenis Jentera Dispenser Hidran (Truck Mounted Hydrant Dispenser) serta sijil-sijil perakuan yang bersesuaian.
2. Dokumen tawaran yang berharga BND100.00 (tidak dikembalikan) bolehlah diperoleh dari Unit Pemantauan, Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Lapangan Terbang Antarabangsa, Bandar Seri Begawan, BB2713, Negara Brunei Darussalam. Sebarang pertanyaan, sila berhubung di talian telefon +673 2460043 sambungan 2109 dan 2180. Tarikh akhir mengambil borang tawaran adalah pada **8 Januari 2018**.
3. Syarikat-syarikat mestilah membawa bersama sijil pendaftaran perniagaan semasa melakukan pembayaran.

4. Wakil syarikat yang hadir mengambil dokumen tawaran hendaklah wakil yang dibenarkan oleh syarikat yang berkenaan dan hendaklah membawa bersama surat pengesahan dari syarikat dan kad pengenalan wakil untuk rujukan Jabatan sebelum dokumen tawaran diserahkan.

5. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 1, Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat jam **2.00 Petang, Isnin, 5 Februari 2018**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh yang ditetapkan tidak akan dilayan.

6. Tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (*sealed*) dengan menyatakan bilangan dan tajuk tawaran tanpa menunjukkan identiti pembekal.

7. Tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang tawaran yang disediakan dengan menyertakan salinan sijil pendaftaran perniagaan.

8. Tawaran akan dikira sah laku dalam tempoh **180 hari** dari tarikh akhir menghantar tawaran.

9. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara, rujukan : LTN / 4 (39 / 1997).

10. Kerajaan Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran yang difikirkan tidak munasabah.



**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**PERADUAN MENULIS ESEI
ILMIAH BAHASA
SEMPENA BULAN BAHASA 2017**

1. Pengenalan

Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa menganjurkan Peraduan Menulis Esei Ilmiah Bahasa 2017. Peraduan ini diadakan sempena Sambutan Bulan Bahasa 2017.

2. Tujuan

Peraduan ini memfokuskan penulisan ilmiah bahasa. Antara tujuannya ialah :

2.1 Memberigakan peranan Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai sebuah agensi kerajaan yang menyalurkan pelbagai ilmu pengetahuan kepada masyarakat di negara ini melalui bahan penerbitannya.

2.2 Mendukung Visi dan Misi Dewan Bahasa dan Pustaka.

2.3 Mendukung hasrat negara untuk mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara melalui hasil penulisan.

2.4 Mempertingkatkan pengetahuan penulis mengenai pentingnya penulisan ilmiah.

2.5 Memperkaya khazanah ilmu khususnya yang berkaitan isu-isu bahasa dan perkembangan bahasa Melayu.

2.6 Memupuk dan mengembangkan upaya kreativiti dan daya fikir kritis penulis dalam mengupas isu-isu bahasa.

2.7 Memperbanyakkan hasil penulisan dalam esei-esei ilmiah.

2.8 Mengembangkan bakat penulis dalam bidang penulisan rencana umum.

3. Syarat dan Peraturan

3.1 Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara dan pemastautin tetap Negara Brunei Darussalam yang berusia 18 tahun ke atas pada atau sebelum tarikh tutup penyertaan.

3.2 Esei mestilah berbentuk esei ilmiah tentang isu dan perkembangan bahasa Melayu.

3.3 Esei mestilah ditulis dalam bahasa Melayu dengan menggunakan sistem Ejaan Rumi Baharu yang digunakan pada masa ini.

3.4 Esei hendaklah mengandungi abstrak dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris.

3.5 Esei hendaklah sesuai untuk bacaan umum dan tidak menyentuh perkara-perkara yang boleh dianggap sensitif dan boleh menyinggung perasaan kaum, kepercayaan, agama, dan budaya di negara ini.

3.6 Panjang manuskrip hendaklah tidak kurang 3,000 patah perkataan tidak termasuk nota kaki dan bibliografi. Rupa taip Times New Roman, poin 12, langkau baris 1.5 pada sebelah muka surat kertas berukuran A4.

3.7 Manuskrip mestilah dihantar dalam lima (5) salinan berbentuk jilid sisir (*comb binding*) termasuk salinan asal yang disalin ke dalam cakera padat.

3.8 Rencana mestilah asli, bukan terjemahan, saduran (penyesuaian) atau apa sahaja yang menyebabkannya bukan karya asli.

3.9 Rencana juga mestilah bukan sepenuhnya dari kerja kursus,

latihan ilmiah atau disertasi KECUALI ia disesuaikan terlebih dahulu dalam bentuk esei.

3.10 Setiap peserta boleh menghantar tidak lebih daripada dua (2) buah manuskrip.

3.11 Manuskrip yang dihantar untuk peraduan ini tidak dibenarkan untuk dicetak sebelum atau selepas peraduan diumumkan.

3.12 Manuskrip yang dihantar mestilah belum pernah diterbitkan sama ada sebahagian atau sepenuhnya serta belum pernah terikat dengan pihak-pihak lain untuk diterbitkan.

3.13 Manuskrip yang memenangi peraduan ini akan diterbitkan oleh pihak penganjur dan dimuatkan dalam Jurnal Bahasa atau jurnal yang bersesuaian tanpa bayaran honorarium.

3.14 Manakala manuskrip yang tidak menerima hadiah penghargaan dan sagu hati, akan dinilai kesesuaiannya untuk diterbitkan. Pembayaran honorarium bergantung pada kadar bayaran yang ditetapkan pada masa tahun penerbitan.

3.15 Hak cipta terhadap semua esei ilmiah yang dikirimkan dipegang oleh penulis, tetapi Dewan Bahasa dan Pustaka mempunyai hak pertama untuk menerbitkannya dalam variasi bentuk penerbitan.

3.16 Pihak penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang dakwaan atau tuntutan undang-undang (hak cipta atau harta intelek) terhadap rencana yang mengandungi unsur-unsur plagiat dan menyentuh isu politik.

3.17 Urus Setia peraduan tidak bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan manuskrip semasa dalam pengiraman.

3.18 Pihak penganjur berhak membuat keputusan jika terdapat perkara-perkara

berbangkit.

3.19 Pegawai dan kakitangan Dewan Bahasa dan Pustaka dibenarkan untuk menyertai peraduan ini kecuali barisan Panel Hakim yang telah dilantik serta Urus Setia Peraduan.

3.20 Sekiranya manuskrip yang dihantar melanggar syarat-syarat penyertaan yang telah ditetapkan, penyertaan akan dibatalkan dan segala bentuk hadiah serta penghargaan perlu dikembalikan kepada pihak penganjur.

3.21 Nama Penulis dan nama pena (jika ada), nombor kad pintar serta alamat penuh, dilarang ditaip dalam manuskrip, tetapi hendaklah ditulis dalam borang berasingan yang telah disediakan.

3.22 Peserta harus meneliti syarat-syarat penyertaan terlebih dahulu sebelum menghantar manuskrip ke Urus Setia Peraduan.

3.23 Keputusan panel hakim adalah muktamad dan sebarang bantahan dalam apa jua bentuk, tidak akan dilayan.

3.24. Sebarang pertanyaan lanjut bolehlah menghubungi **talian +673 2382511 sambungan 129 / 157 / 172**.

3.25 Tarikh tutup peraduan ialah **31 Mac 2018, Sabtu**.

4. Setiap peserta hendaklah mengisi borang pertandingan dengan lengkap. Borang yang lengkap diisi dikembalikan ke Urus Setia, seperti alamat berikut :

**Urus Setia
Peraduan Menulis Esei Ilmiah Bahasa
Tingkat 2
Unit Perkamusan
Bahagian Pembinaan dan
Pengembangan Bahasa
Dewan Bahasa dan Pustaka
Lapangan Terbang Lama Berakas
BB3510, Negara Brunei Darussalam.**



قيستا بوكو بروني
دان كرينول مفر كاس بودايا تمباچ ٢٠١٨

PESTA BUKU BRUNEI

DAN KARNIVAL MEMPERKASA BUDAYA MEMBACA 2018

SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-34, TAHUN 2018

ANJURAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

STADIUM TERTUTUP
KOMPLEKS SUKAN NEGARA
HASSANAL BOLKIAH, BERAKAS

27 FEBRUARI-08 MAC 2018

Setiap Hari
8.30 Pagi-10.00 Malam
Hari Jumaat
9.00 Pagi-11.30 Pagi
2.30 Petang-10.00 Malam

Buku Jendela Ilmu



Datanglah Beramal-ramal



pestabukubrunei@dbp.gov.bn



PBBrunei

Tingkatkan penggunaan bahasa Melayu dalam komunikasi, media massa

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 Januari. - Taklimat Penyelidikan Bahasa Melayu dihasrat akan dapat dijadikan sebagai penanda aras untuk meningkatkan kedudukan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat yang merupakan cerminan identiti keBruneian di negara ini.

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Penyelidikan, Dokumentasi dan Pengiktirafan mengadakan Taklimat Penyelidikan Bahasa Melayu bagi Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung Seluruh Negara.

Taklimat diadakan di Balai Sarmayuda, DBP berkenaan.

Taklimat disampaikan oleh Pemangku Pengarah DBP, Dayang Hajah Sariani binti Haji Ishak.

Objektif taklimat tersebut adalah untuk mengetahui sejauh mana tahap pengetahuan masyarakat



TAKLIMAT disampaikan oleh Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Dayang Hajah Sariani binti Haji Ishak (kiri), manakala gambar kanan, antara para Penghulu dan Ketua Kampung yang hadir pada Taklimat Penyelidikan Bahasa Melayu.

mengenai bahasa Melayu, di samping mengetahui sejauh mana masyarakat menggunakan dan memilih bahasa Melayu ketika

berkomunikasi dan dalam penggunaan media massa. Ia juga sebagai kesinambungan daripada penyelidikan bahasa

Melayu di Negara Brunei Darussalam dan laporannya telah diterbitkan sempena Sambutan Bulan Bahasa 2017

sebagai penanda aras untuk membentuk strategi ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035.



LENSA

Awda kreatif, berbakat dan berminat dalam fotografi?

BERIKUT ADALAH TAJUK-TAJUK RUANG LENSA :

- 1) 'Kanak-Kanak Belajar Mengaji' (tarikh tutup 20 Januari 2018)
 - 2) 'Alat-Alat Muzik Tradisi Brunei' (tarikh tutup 10 Februari 2018)
 - 3) 'Taman dan Rekreasi di Negara Brunei Darussalam' (tarikh tutup 24 Februari 2018)
- Tajuk-tajuk berkenaan hendaklah dihantar sebelum jam 12.00 tengah hari pada tarikh-tarikh tutup berkenaan.



TAJUK : 'Kanak-Kanak Masuk Ke Sekolah'
Keterangan gambar : Hari pertama masuk ke sekolah merupakan suatu pengalaman yang sangat bermakna bagi anak-anak dan ibu bapa. Senyuman kegembiraan jelas terukir di wajah anak dan juga ibu bapa yang menemani anak mereka masuk ke alam persekolahan.
Kamera : NIKON COOLPIX L310, ISO - 800, aperture f/3.6, shutter speed 1/25 sec
Nama pemenang : Muhammad Edie Fakhri Ajun bin Abdullah / Nombor I.C. : 01-108796
No. 9, Simpang 7-23, Jalan 88 RPN Lambak Kanan Berakas, BC 2515, Negara Brunei Darussalam.

Pasukan BM unggul dua kategori Kejohanan Lawan Pedang



PERINGKAT akhir Kategori Foil Lelaki Berpasukan menemukan pasukan Brunei dan Muara dan Persatuan Lawan Pedang Sabah pada Kejohanan Lawan Pedang Terbuka Brunei 2018 yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Berita dan Foto :
Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 Januari. - Kejohanan Lawan Pedang Terbuka Brunei 2018 diteruskan dengan tiga lagi kategori pada hari keempat kejohanan yang berlangsung di Stadium Tertutup,

Kompleks Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Pasukan Brunei Muara (BM) mengungguli Kategori Epee Berpasukan Wanita dan Kategori Foil Berpasukan Lelaki, sementara

pasukan BM 'A' meraih pingat emas bagi Kategori Sabre Berpasukan Lelaki.

Pasukan Epee Berpasukan Wanita BM berjaya menundukkan pasukan Ikasi Surabaya dari Republik Indonesia dengan kutipan 45 - 28 mata untuk mengutip pingat emas, dengan pingat gangsa diraih oleh pasukan MS ABDB.

Sementara itu, perlawanan

sengit bagi Kategori Foil Berpasukan Lelaki menyaksikan pasukan BM mengalahkan pasukan Persatuan Lawan Pedang Sabah, Malaysia dengan kiraan mata 45 - 38, yang mana pasukan MS ABDB berjaya menewaskan pasukan Kuala Belait dengan kiraan 45 - 29 bagi meraih pingat gangsa.

Bagi Kategori Sabre Berpasukan pula, pasukan BM 'A' mengatasi

pasukan MS ABDB dengan perbezaan mata 45 - 32 untuk mendapatkan pingat emas, sementara Athos Fencing Club mendapat pingat gangsa setelah mengalahkan pasukan BM 'B' dengan 45 - 37.

Hadir bagi menyampaikan pingat-pingat ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

MS ABDB jinakkan Tabuan Muda 'A', 4 - 2



ANTARA aksi menarik pada Perlawanan Piala FA Brunei DST 2017 di antara pasukan Tabuan Muda 'A' dengan pasukan MS ABDB berkesudahan 4 - 2.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 14 Januari. - Perlawanan Piala FA Brunei DST 2017 di antara pasukan Tabuan Muda 'A' dengan pasukan MS ABDB berkesudahan 4 - 2 dengan pasukan MS ABDB mengutip tiga mata penuh.

Perlawanan yang diadakan di Kompleks Sukan Berakas menyaksikan gol pertama terhasil pada minit ke-7 oleh Sarjan Adey Shariduan Haji Johari, di sini.

Gol kedua dijaringkan oleh Lans Koprak Md. Yusof Md. Yunus, pada minit ke-26 juga pada separuh masa

pertama. Selang masa rehat, pasukan MS ABDB terus menunjukkan taringnya dan beraksi gah dengan berjaya menambah gol ketiga yang disumbat oleh Soldadu Razimie Ramli pada minit ke-67.

Akan tetapi pada minit ke-80, pasukan Tabuan Muda 'A' mampu merapatkan jurang dengan menggegar gawang pasukan lawan menerusi rembatan Hirzi Zulfaqar Mahzan.

Empat minit kemudian,

Soldadu Razimie sekali lagi membolosi gawang lawan dengan gol keempat bagi pasukannya pada minit ke-84.

Pada saat-saat akhir tambahan masa perlawanan, Md. Nur Asyrafahmi Nor Samri berhasil menambah gol kedua pasukan Tabuan Muda 'A' pada minit ke-91, sekali gus menaikkan semangat rakan sepasukan, namun kedudukan 4 - 2 tidak berubah hingga wisel penamat dibunyikan.

Perlawanan seterusnya akan diadakan pada 16 Januari, bertempat di Kompleks Sukan Tutong bakal menyaksikan pertemuan di antara pasukan Indera SC dan pasukan IKLS FC.

Kasuka FC menang 3 - 1 ke atas Wijaya FC

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 Januari. - Kasuka FC menang selesa ke atas Wijaya FC dengan keputusan 3 - 1 pada siri Perlawanan Liga Super Brunei DST 2017 yang berlangsung di Padang Kompleks Sukan Berakas.

Babak pertama perlawanan menyaksikan Kasuka FC lebih bijak mengawal permainan apabila Abdul Aziz bin Tamit berjaya membuka jaringan pada malam tersebut seawal minit ke-14 menerusi tandukan tajam yang diumpan melalui sepakan sudut.

Manakala pada separuh masa kedua pula, kedua-dua pasukan saling berbalas serangan namun nasib lebih memihak kepada Kasuka FC apabila Md. Nazri bin Haji Hassan berjaya menggandakan jaringan bagi Kasuka FC menerusi tendangan jarak jauh separuh voli pada minit ke-46.

Jaringan tersebut membuatkan Kasuka FC bermain dengan lebih selesa dan seterusnya berjaya menjaringkan gol ketiganya pada minit ke-76 menerusi Md. Mardi Mirza bin Abdullah Bujang.

Pasukan Wijaya FC kemudiannya beroleh gol tunggalnya melalui gol jarak dekat yang dijaringkan oleh Md. Ikmal Hakim bin Haji Md. Yunus pada minit ke-78.



PERLAWANAN Liga Super Brunei DST 2017 di antara pasukan Kasuka FC dan pasukan Wijaya FC dengan berkesudahan pasukan Kasuka FC menewaskan pasukan Wijaya FC, 3 - 1.

Sukan

INFO SUKAN

BERBANDING dengan sukan yang berasaskan kekuatan tenaga, sukan Angkat Berat menguji had maksima balistik manusia, di mana sesuatu angkatan itu dilakukan dengan lebih pantas melalui pergerakan yang lebih banyak berbanding dengan kekuatan pergerakan yang lain. Malah, jika dilakukan dengan betul, sambaran dan sentakan yang dilakukan akan lebih menggemparkan dan pada masa yang sama, aspek kelembutannya akan terserlah.



ePaper Pelita Brunei

Pasukan BM raih 27 pingat



PEMANGKU Timbalan Pengarah di Jabatan Belia dan Sukan, Pengiran Anak Sofian bin Pengiran Anak Ibrahim bergambar kenangan bersama para pemenang bagi Kategori Lelaki Epee Berpasukan (kiri), manakala gambar kanan, perlawanan akhir Kategori Lelaki Epee Berpasukan di antara Indonesia dan MS ABDB.



Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 14 Januari. - Pasukan Brunei Muara (BM) berjaya meraih 27 pingat keseluruhan sepanjang berlangsungnya Kejohanan Lawan Pedang Terbuka Brunei 2018 yang menutup tirainya hari ini. Daripada jumlah tersebut, pasukan berkenaan menggondol 11 pingat emas, tujuh pingat perak dan sembilan pingat gangsa diikuti dengan pasukan Indonesia, Kota

Bogor FA yang berjaya meraih dua pingat emas dan satu perak manakala pasukan China berjaya meraih satu pingat emas. Kejohanan yang bermula sejak 9 Januari itu menyaksikan lapan pasukan berentap yang turut disertai oleh pasukan Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MS ABDB), Athos, Kuala Belait, Ikasi Surabaya, Indonesia dan Sabah Fa dari Malaysia.

Majlis penutup dan penyampaian hadiah yang berlangsung di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah itu disempurnakan oleh Pemangku Timbalan Pengarah, Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Anak Mohd. Sofian bin Pengiran Anak Haji Ibrahim. Terdahulu, di hari akhir kejohanan turut menyaksikan beberapa perlawanan akhir dipertandingkan di mana dalam Kategori Epee Berpasukan Lelaki,

Indonesia menang menentang MS ABDB 45 - 34. Dalam Kategori Akhir Foil Campuran di bawah 8 tahun pula, Dayang Naeema binti Rayme dari pasukan BM berjaya merangkul pingat emas setelah mengalahkan Dayang Nur Alma'iyah Harisah binti Harrisman Ashady, 8 - 7. Sementara, Tristan Chienwei Gesong berjaya menewaskan Awang Hakimi Zulfaqar Mahzan masing-masing dari pasukan BM, 10 - 9 bagi merebut pingat emas dalam Kategori Foil Campuran di bawah 14 Tahun.

Bagi Kategori Foil Berpasukan Wanita pula, pasukan BM 'A' meraih pingat emas setelah menewaskan pasukan BM 'B' 45 - 23 manakala dalam Kategori Sabre Wanita, pasukan BM mengalahkan Ikasi Surabaya, 45 - 30 bagi meraih pingat emas. Menurut Setiausaha Agung Persatuan Lawan Pedang Brunei Darussalam, Mejar (U) Nashriq Moxsin, antara tujuan dan objektif kejohanan tersebut adalah untuk memberi pengalaman bertanding bagi para atlet lawan pedang negara ini.

Lun Bawang FC belasah Menglait FC, 7 - 0



Berita dan Foto :
Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

BERAKAS, Ahad, 14 Januari. - Pasukan Lun Bawang FC berpesta gol 7 - 0 setelah membelasah pasukan Menglait FC pada Perlawanan Liga Super Brunei DST 2017 di Padang dan Belapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini. Amir anak Bujang dari pasukan Lun Bawang FC berjaya menjaringkan gol hatrik, manakala Chistopher anak Ambun, Md.

ANTARA aksi perlawanan di antara pasukan Lun Bawang FC dan pasukan Menglait FC pada Perlawanan Liga Super Brunei DST 2017.

Ehsan bin Haji Moxsin, Rudy Afrie bin Reimy serta Rainney bin Lius masing-masing menjaringkan satu gol. Babak pertama perlawanan menyaksikan kedua-dua pasukan saling berbalas serangan, namun nasib memihak pada pasukan Lun Bawang FC apabila Chistopher menggegarkan gawang lawan dengan gol pertama pada minit ke-29. Manakala pada separuh masa kedua pula menyaksikan pasukan Lun Bawang FC lebih banyak mengawal permainan dan seterusnya menjaringkan gol menerusi

Md. Ehsan yang melakukan gerakan hebat dan menembusi gawang lawan pada minit ke-48. Persembahan menarik daripada Amir anak Bujang akhirnya membuahkan hasil apabila beliau memberikan umpanan cantik menemui Rudy Afrie yang kemudiannya menyumbat gol pada minit ke-56. Pasukan Lun Bawang FC kemudiannya menjaringkan gol keempat menerusi serangan balas pantas yang dihasilkan oleh Rainney pada minit ke-77. Amir seterusnya menjaringkan gol kelima, keenam dan ketujuh bagi pasukan Lun Bawang FC, sekali gus melengkapkan hatriknya pada perlawanan tersebut pada minit ke-80, 86 dan 91.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

MENDERMALAH KE TABUNG DANA BAGI PEMBINAAN MASJID NBD

دتریتکن اوله جباتن فنراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.